SEDEKAD KEGEMILANGAN

2000-2010

Majlis Hari KUALITI 2010

25 MEI 2010 | DEWAN BESAR, UTeM


Q

Isi Kandungan

KATA-KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM	3
VISI, MISI, MOTO DAN OBJEKTIF	4
ATUR CARA	5
PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI UNIVERSITI	6
IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM	7
LAGU UTeM TERBILANG, PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN KUALITI	8
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009	11

Kata-Kata Aluan Naib Canselor

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Sambutan Hari Kualiti Universiti Teknikal Malaysia Melaka tahun 2010.

"Cemerlang kepada Kegemilangan", itulah hasrat yang ingin saya sampaikan kepada warga Universiti dan ini ada kesinambungannya dengan tema Perutusan Tahun 2010 iaitu "Inovasi Pemacu Kegemilangan Pembangunan Lestari". Ia merupakan tema yang sungguh besar makna dan harapannya. Malah saya memerlukan sokongan dan kesepakatan semua warga Universiti untuk melaksanakan hasrat ini.

Setiap warga Universiti mempunyai tanggungjawab dalam memastikan keberhasilan kerja yang dilaksanakan adalah mencapai "standard" serta memenuhi kehendak pelanggan. Ianya menuntut semua untuk memberikan idea baru serta perubahan sama ada melibatkan teknologi terkini dan perubahan prosedur kerja yang mampu menampilkan aspek keperkasaan dan kualiti kerja sebagai modal yang berada di dalam sebuah gedung ilmu.

Hari Kualiti merupakan satu lambang yang menunjukkan komitmen dalam memastikan semua kerja yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan. Hari Kualiti perlu dihayati oleh setiap warga dan tidak seharusnya dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa membawa sebarang perubahan yang bermakna kepada setiap individu. Semoga majlis sebegini membantu meneruskan kesinambungan warga Universiti untuk terus mencipta kehebatan dalam memartabatkan nama Universiti ke persada dunia.



V ISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

Misi

Melahirkan ahli professional yang bersahsiah murni, komopeten dan berkerampiran tinggi melalui pendidikan teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar Universiti-industri sejajar dengan aspirasi Negara

Motto

Kompetensi Teras Kegemilangan

Objektif

1. Mengendalikan program akademik dan professional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
2. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional).
3. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
5. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
6. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
7. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
8. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

8.30 pagi	-	Kehadiran semua staf UTeM Pendaftaran Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009
8.45 pagi	-	Ketibaan Pegawai-pegawai Kanan Universiti
9.00 pagi	-	Ketibaan Naib Canselor UTeM Y. Bhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
9.05 pagi	-	Nyanyian Koir • UTeM Terbilang • Perkhidmatan Awam & Kualiti
	-	Bacaan Doa
	-	Ucapan Naib Canselor UTeM
	-	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009
	-	Sesi bergambar Penerima Anugerah bersama Naib Canselor
11.30 Pagi	-	Jamuan makan
	-	Majlis bersurai

Pengurusan Penilaian Prestasi Universiti

Pengurusan prestasi adalah salah satu komponen yang penting di dalam pengurusan strategik Universiti. Penilaian Prestasi amat berkait rapat dengan perkembangan kerjaya staf yang merangkumi pergerakan gaji, anjakan gaji, kenaikan pangkat, pengesahan perkhidmatan dan penempatan. Ianya berkait rapat dengan penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Sehubungan itu, pelaksanaan penilaian prestasi yang objektif, adil dan telus amatlah penting kerana ianya melibatkan prestasi organisasi secara tidak langsung. Penilaian yang objektif, adil dan telus bermaksud:

Objektif: Berasaskan kenyataan atau fakta sebenar yang tidak dikuasai atau di pengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri;

Adil: Meletakkan sesuatu pada tempat yang betul;

Telus: Mudah difahami dan diketahui (tiada hal yang tersembunyi atau disangsikan)

Bagi memastikan penganugerahan yang objektif, adil dan telus, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) (UTeM) yang bermesyuarat pada 2 April 2010 lalu, telah mengkaji dan melihat pembahagian kuota APC terhadap semua PTj.

Bagi tahun 2009, seramai 130 orang staf telah dikenalpasti untuk menerima APC. Calon-calon ini terlebih dahulu telah dicadangkan oleh PTj masing-masing dan PPSM telah mempertimbang dan memutuskan calon-calon tersebut berdasarkan kepada beberapa kriteria :

i) Pembahagian calon APC yang seimbang dari setiap PTj yang merangkumi taburan yang sekata dan adil dari setiap kumpulan perkhidmatan iaitu Ketua PTj, Kumpulan P&P (Akademik dan Bukan Akademik) dan Kumpulan Sokongan (I & II);

ii) Melihat kepada prestasi PTj sendiri, PTj yang menunjukkan prestasi yang baik akan mendapat tambahan daripada kuota asal yang diterima (8%). Manakala, PTj yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan hanya akan diberi kuota kurang daripada 8%. Walaubagaimanapun, PPSM akan memastikan jumlah kuota bagi keseluruhan Universiti tidak akan melebihi 8% seperti mana yang telah ditetapkan didalam PKPA Bil. 2 Tahun 1993.

Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 "Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam", staf yang menerima APC akan diberikan insentif dan hadiah seperti berikut:-

a) Sijil Perkhidmatan Cemerlang;

b) Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00;

c) Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;

d) Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan

e) Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan intergriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

Pertama	:	Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
Kedua	:	Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
Ketiga	:	Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
Keempat	:	Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
Kelima	:	Bertindak tegas terhadap mereka yang mencuba menggugat integriti dan imej pegawai awam; dan
Keenam	:	Mematuhi sepenuhnya kod etika organisasi dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas


Lagu

UTeM Terbilang

Di Sini Segala Bermula
Cemerlang Mencipta Gemilang
Bertuah Bumiku Menyaksi
Bersama Kita Berjuang

Tersohor Persada Dunia
Senada Wawasan Negara
Melahir Insan Luhur Jiwa
Mampan Menambat Dunia

C/O

Perkongsian Pintar
Universiti Dan Industri
Kreatif Inovatif
Pembelajaran Teras
Aplikasi Dan Kompetensif
Tekad Mencapai Visi

Demi Semangat Negara
Kami Mencurah Bakti
Nasib Pertiwi Terus Dibela
Kepada Ibunda Kami Berjanji

UTeM Ku Cemerlang
UTeM Ku Gemilang
UTeM Ku Terbilang
UTeM Terus Berjuang

UTeM Ku Cemerlang
UTeM Ku Gemilang
UTeM Ku Terbilang
UTeM Terus Berjuang

Kualiti

Apa saja yang susah
Akan menjadi mudah
Sekiranya semua
Bersatu berusaha

Kualiti teras kejayaan
Bertambah keuntungan
Kerja seikhlas hati
Sempurna pekerjaan

Kita bantu-membantu
Bertukar-tukar fikiran
Bersatu kita maju
Kearah kemakmuran
Kita tegur-menegur,
kerana kebaikan
Berusaha dengan jujur
mencapai kejayaan

Perkhidmatan Awam

Kita memegang amanah bangsa
Kita juga telah berikrar
Taat setia korban tenaga
Bela bangsa dan Negara

Etika kerja kita amalkan
Tekun jujur dan berbudaya
Gandakan hasil dan pembangunan
Berkhidmat, bakti berjasa

Agama asas pegangan
Perlembagaan Negara dijulang
Rukun Negara jadi pedoman

Kitalah benteng Malaysia




Peganvai Kanan

"Sirih Pulang Ke Gagang" adalah perumpamaan yang tepat untuk menggambarkan sumbangan yang telah dicurahkan oleh Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi kepada UTeM terutama dalam memacu aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Bermula pada tahun 2008, beliau diamanahkan semula oleh pengurusan universiti untuk menerajui Pusat Universiti Industri (UNIC) setelah dua tahun beliau melepaskan jawatan pengarah UNIC untuk berkhidmat di FKEKK. Pihak pengurusan universiti ingin melihat aktiviti penyelidikan dan inovasi menjadi antara penyumbang utama terhadap memenuhi misi dan visi UTeM. Pembudayaan penyelidikan, pengkomersilan dan jalinan kerjasama pintar dengan industri antara fokus utama yang harus diberi perhatian.

2009 merupakan tahun cemerlang bagi aktiviti penyelidikan dan inovasi. Penstrukturan semula fungsi dan tanggungjawab UNIC merupakan titik tolak ke arah perubahan dalam perspektif penyelidikan dan inovasi. Penjenamaan semula UNIC kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (Centre for Reseach and Innovation Management) memberi isyarat bahawa beliau amat serius dalam memacukan aktiviti penyelidikan dan inovasi. Penstrukturan ini juga telah mewujudkan sebuah pusat baru yang bertanggungjawab terhadap jaringan dan jalinan kerjasama antara universiti dan industri. Pusat yang dinamakan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (Industry and Community Network).



Pada tahun 2009, di bawah pengurusan beliau, sebanyak RM2,930,925.00 telah diagihkan untuk penyelidikan jangka pendek (PJP) yang berjumlah 122 projek, peningkatan sebanyak sebanyak 27.58% berbanding tahun 2008. Sepanjang tahun 2009 juga sebanyak 9 projek penyelidikan telah dipatenkan terdiri daripada hasil dana penyelidikan jangka pendek.Ianya merupakan satu kejayaan jika diukur daripada bilangan projek penyelidikan yang telah dihasilkan sebelum ini yang berjaya dipatenkan amat rendah. Usaha kesedaran tentang hak perlindungan harta inteleks yang dijalankan oleh CRIM melalui siri bengkel dan taklimat telah menampakkan hasil yang amat menggalakkan.

Penglibatan penyelidik UTeM di dalam pameran dan expo penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bermula pada tahun 2005 di IPTA R&D Expo 2005. Sejak tarikh tersebut sebanyak 118 pingat telah dimenangi. Tahun 2009 merupakan tahun paling cemerlang bagi penyelidik UTeM dengan memenangi sebanyak 38 pingat sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa. Pengiktirafan ini bukan sahaja membuktikan hasil penyelidikan UTeM bermutu dan berkualiti malah ianya mampu memenuhi keperluan dan kehendak industri dan komuniti. Teknologi dan inovasi yang digarap mampu melahirkan produk yang memacu perkembangan ekonomi negara. Biarpun sebahagian besar produk penyelidikan masih dalam peringkat prototaip , ianya boleh ditambahnilai untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

"Tahun 2009 merupakan tahun paling cemerlang bagi penyelidik UTeM.."

Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sebagai sebuah Fakulti, pencapaian utama FTMK untuk tahun 2009 adalah kejayaan menganjurkan persidangan antarabangsa International Conference of Soft Computing and Pattern Recognition (SoCPaR 2009) bertemakan "Innovating and Inspiring Soft Computing and Intelligent Pattern Recognition for Nation Wealth Creation". Di samping memastikan perpindahan FTMK dari Kampus Industri ke Kampus Induk berjalan lancar dengan penerimaan pelajar di bangunan baru, FTMK telah melaksanakan secara berterusan aktiviti pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan memberi khidmat kepada masyarakat UTeM dan sekitar.

Antara aktiviti seminar yang dianjurkan oleh FTMK bagi mendedahkan pelajar kepada amalan dan perkembangan industri adalah SecIT09, OSS Talk 09, Seminar The Need of IPv6, AI Talk,Talk on Soft Computing, CFOT dan VoIP. Bagi menggiatkan lagi daya saing, kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar FTMK juga telah menganjurkan pertandingan di samping menghantar pelajar untuk bertanding antaranya UTeM CISCO Based Competition, Netriders Challenge 2009, Imagine Cup 2009 dan The Code 2009. Kejayaan membanggakan apabila pelajar FTMK mendapat tempat pertama dalam pertandingan BPC anjuran MDeC. Atas pengalaman dan kepercayaan kepada FTMK, pihat KPT dan MDeC telah mengamanahkan FTMK untuk melaksanakan program Campus Connect Infosys Foundation Program untuk 100 pelajar dari seluruh IPT tempatan yang julung kali di adakan di luar India. Program ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Aktiviti akademik utama 2009 adalah membuat kajian semula silibus khususnya melalui pendekatan OBE dan pelaksanaan SLT. Usaha untuk mendapatkan akreditasi bagi Program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) diteruskan dengan penghantaran dokumen pengiktirafan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan akreditasi. Untuk mengukuhkan lagi kualiti staff akademik, FTMK juga telah mencapai sasaran untuk menghantar staff akademik untuk cuti belajar dengan pemergian seramai 15 orang pensyarah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. FTMK juga aktif melaksanakan porgram Khidmat masyarakat antaranya, Program Pengisian UPU On-line dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Melaka, Program e-sekolah, Program IT-Tentera, IT-Guru bersama Sekolah Kebangsaan Ayer Keroh, dan membuat program ICT Outreach.

Antara pencapaian utama beliau bagi tahun 2009 adalah sebagai penyelia utama dalam menghasilkan lulusan PhD seramai 2 orang dan 1 orang pelajar Sarjana dan masih lagi aktif menyelia 8 calon PhD dan 6 calon Sarjana. Dekan FTMK juga aktif menjalankan khidmat professional antaranya sebagai Pengerusi, Standards Committee on IT & Multimedia Malaysian Qualifications Agency, Ahli, Accreditation Committee on IT & Multimedia, MQA, Setiausaha, Panel untuk Institutional Audit (Cluster 5), MQA yang mengaudit Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sumbangan khidmat professional juga diberikan selaku Pengerusi Majlis Dekan-Dekan ICT (MADICT), Ahli kepada Technical Committee, Projek Infosys-MOHE-MDeC dan Ahli Lembaga Malaysia Common Criteria (MyCC) Scheme Management Board, Cybersecurity Malaysia. Di dalam tahun 2009, sebanyak 8 kertas kerja telah dinilai, menilai 5 tesis sebagai penilai luar dan membuat 7 penilaian untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan Profesor untuk UKM, UTM dan UiTM.

Prof. Shahrin juga telah dijemput untuk memberi ucaptama dan sebagai penceramah jemputan untuk 3 persidangan antarabangsa dan 1 seminar antarabangsa, disamping menerbitkan 11 terbitan akademik dimana 3 darinya adalah jurnal antarabangsa. Antara khidmat masyarakat yang dicurahkan adalah sebagai Timbalan Pengerusi Persatuan Falak Syarie Negeri Melaka, Program IT Melaka FM, Timbalan Pengerusi, Surau Taman Tasik Utama, Timbalan Pengerusi, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Tasik Utama, Jawatankuasa, Lembaga Kemajuan Sekolah Agama JAIM (LEKAS), Taman Tasik Utama, dan Pakar Rujuk, Sektor K-Ekonomi dan ICT, Bengkel Melaka Maju 2010.



"Kejayaan membanggakan apabila pelajar FTMK mendapat tempat pertama dalam pertanding BPC anjuran MDeC"

Profesor Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Prof. Madya Shahdan bin Md Lani
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti Dan Akreditasi

Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi namun telah dipinjamkan selaku Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akteditasi. Bertanggungjawab sebagai wakil pengurusan sistem pengurusan kualiti Ms ISO 9001:2008 UTeM dan juga bertanggungjawab membantu fakulti dalam urusan mendapatkan akreditasi program kejuruteraan dari Lembaga Jurutera Malaysia dan pengiktirafan program dari JPA.

Beliau juga telah dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus Program institusi (IPMO) dalam pengoperasian Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pada Disember 2009, beliau telah dilantik menjadi Ketua dan ahli audit keserakanan pelaksanaan PSPTN di IPTA yang lain. Dokumen Pelan Strategik UTeM 2009-2010 telah terhasil dan diedarkan dengan usaha beliau bersama warga UTeM yang lain. Sebagai persediaan menghadapi Audit Prestasi Akademik tahun 2010, beliau telah menyelaras penyediaan dokumen berkaitan dan dimajukan ke MQA pada Oktober 2009.

Beliau juga merupakan seorang daripada urus setia dalam penyediaan bajet fizikal UTeM untuk Rancangan Malaysia Ke 10 yang telah dibentangkan kepada KPT dan diluluskan. Kerap memberikan ceramah mengenai ISO 9000, pelan Strategik UTeM dan PSPTN dalam kursus anjuran UTeM.




Canselori


Aida
Aziza

Noraida binti Mohamad Noh
Setiausaha Pejabat Kanan

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNYA telah dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2009. Mula berkhidmat di UTeM pada 1 Mac 2001 sebagai Setiausaha kepada Rektor KUTKM (2001-2004), diikuti Setiausaha kepada TNC (P&I) (2004-2008) dan kini Setiausaha kepada Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor UTeM. Baginya, tugas Setiausaha kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi Universiti bukanlah satu kerja yang mudah kerana ia memerlukan pengorbanan masa dan tenaga serta bijak dalam menangani masalah.

Beliau juga bertanggungjawab memastikan segala maklumat yang diterima daripada ketua dapat disampaikan dengan tepat dan jelas.
Beliau telah banyak menyumbang khidmat dan bakti kepada UTeM terutamanya sebagai urus setia protokol dan sambutan dalam pelbagai program dan aktiviti yang telah dianjurkan oleh Universiti. Selain itu, beliau juga aktif berpersatuan antaranya Naib Pengerusi Persatuan Setiausaha UTeM, AJK Sri Kesidang dan AJK Kelab Staf Canselori.

Antara sumbangan lain beliau adalah penglibatan diri dalam pembangunan sukan universiti sebagai atlet Bola Tampar dan Bola Jaring pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2009 di UMT, Kuala Terengganu. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sekerja yang banyak memberi dorongan dan kerjasama di dalam membantu mencorak prestasi kerja beliau selama ini. Semoga dengan anugerah ini, beliau akan lebih berinspirasi untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada untuk terus lebih cemerlang.

“beliau akan lebih berinspirasi untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada...

kerja berpasukan amatlah penting dalam menjayakan sesuatu tugasan yang diberikan...”


Aziza Binti Md Buang
Pegawai Senireka (Kanan)

Beliau adalah graduan UiTM dan mula berkhidmat sebagai Pegawai Senireka di UTeM sejak tahun 2001. Beliau adalah antara kakitangan terawal menyertai UTeM dan merupakan Pegawai Senireka yang pertama berkhidmat di UTeM. Dari mula lagi beliau bersama-sama staf seliaan telah banyak menyumbangkan idea-idea baru dan kreatif melalui penghasilan bahan-bahan grafik yang bermutu yang banyak membantu menaikkan imej UTeM di mata masyarakat sehingga kini. Pengetahuan dan pengalaman beliau dari sudut senireka telah melayakkan beliau dilantik sebagai jawatankuasa media dan grafik di hampir setiap majlis Universiti.

Beliau juga menyumbang tenaga dalam bidang sambutan dan protokol seperti Majlis Perasmian Imagine Cup 2009, Majlis Makan Malam UTeM bersama Media dan majlis-majlis rasmi Universiti yang lain. Pada Majlis Konvokesyen Kelima yang lalu, beliau telah diberi kepercayaan untuk mengetuai jawatankuasa cenderahati di bawah jawatankuasa pelaksana 3 (Media dan Cenderahati), Majlis Konvokesyen UTeM. Selain itu juga, beliau telah diamanahkan bertugas sebagai Pembekal Ijazah untuk hampir setiap Majlis Konvokesyen UTeM yang lalu. Memegang jawatan Naib Presiden II, Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas UTeM (PRAKTIS) dan Jawatankuasa Kelab Staf Canselori (KScans) telah memberi peluang kepada beliau menyumbang dalam bidang sosial dan kebajikan.

Berpegang pada motto ‘teamwork divides the task and multiplies the success’ beliau begitu komited di dalam melaksanakan tugasan dan amanah yang telah diberikan dan percaya bahawa kerja berpasukan amatlah penting dalam menjayakan sesuatu tugasan yang diberikan.

Mohd Erwan bin Md Yusop
Penolong Pendaftar



Three sentences for getting success, know more than other, work more than other, expect less than other (William Shakespeare).

Inilah kata-kata yang banyak membantu saya ketika melaksanakan tugas sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas di Pejabat Naib Canselor. Antara skop tugasan, mencakupi penyediaan teks, urusan permesyuaratan, pemantauan projek Universiti, penerbitan, rangkaian dan menjalankan tugas sebagai pegawai pengiring. Selain itu, saya juga dilantik sebagai penyelaras atau ahli jawatankuasa bagi projek seperti Pertandingan Imagine Cup Peringkat Kebangsaan 2009 & 2010, Rancangan Malaysia Ke-10, KKTM, MTUN, di samping penglibatan dalam Majlis Universiti seperti Konvokesyen dan Lawatan Menteri Pengajian Tinggi.

Kesemua pencapaian ini tidak akan diperoleh tanpa bantuan semua warga UTeM, terima kasih saya ucapkan. Tidak dilupakan juga, insan paling penting dalam hidup saya, iaitu Ayahanda dan Bonda tercinta atas kasih dan doa sepanjang hari. InsyaAllah, penghargaan ini akan menjadi dimensi baru untuk saya berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh.

“Akar keladi melilit selasih
Selasih tumbuh di hujung taman
Kalungan budi junjungan kasih
Mesra kenangan sepanjang zaman”

“Sesungguhnya anugerah ini amat bermakna bagi saya dan ia merupakan satu tanggungjawab ...”

Saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi apabila di umumkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009. Saya bermula bertugas di UTeM pada 17 Mac 2004 sebagai Operator Pemprosesan Data. Selepas itu, di naikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) pada 24 April 2004 dan ditempatkan di Unit Protokol, Pejabat Canselori.

Bertanggungjawab membantu urusan protokol bagi semua Majlis Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Majlis yang paling utama adalah Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Selain itu, saya amat berterima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan di pejabat Canselori yang banyak memberi tunjuk ajar serta sokongan. Sesungguhnya anugerah ini amat bermakna bagi saya dan ia merupakan satu tanggungjawab untuk saya mengekalkan dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang cemerlang.



Aryanti binti Ismail
Pembantu Tadbir (P/O)

Azman bin Azahari
Pembantu Tadbir (P/0)


"Syukur Alhamdulillah" ucapan pertama saya kerana tidak menyangka dan menduga telah dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah bagi tahun 2009. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf Pejabat Naib Canselor yang telah sama-sama membantu serta memberi tunjuk ajar.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga yang sentiasa memahami dan memberi dorongan serta kepada semua pihak yang memberikan kerjasama di dalam melaksanakan tugas seharian.

Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam melaksanakannya. Semoga dengan anugerah pada kali ini, menjadi pendorong dan menyuntik semangat saya untuk terus komited dan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab pada masa akan datang, Insya-Allah.



"Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam melaksanakannya."



Justeru itu, untuk mencipta kecemerlangan, disiplin diri serta berusaha memenuhi setiap tugasan

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan keizinan-Nya saya telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Terima kasih juga kepada semua yang telah memberikan kerjasama, dorongan dan sokongan sepanjang perkhidmatan saya di UTeM ini khususnya di Pejabat Canselori.

Kecemerlangan tidak mungkin dapat dikecapi tanpa usaha yang gigih serta diiringi restu dari Allah s.w.t. Justeru itu, untuk mencipta kecemerlangan, disiplin diri serta berusaha memenuhi setiap tugasan serta arahan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi adalah perlu.

Penghargaan ini amat bernilai buat diri saya kerana akan meningkatkan lagi kualiti kerja. Kejayaan ini sudah pastinya menjadi motivasi untuk mempertingkatkan mutu kerja pada masa akan datang,

Abdul Aziz Bin Abu Bakar
Pembantu Am Pejabat



Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni



Ahmad Faizal Bin Abd Rahman
Penolong Pendaftar

...kata John F.Kennedy, "Jangan tanya apa yang negara boleh berikan kepada kita, tetapi apakah yang boleh kita berikan kepada negara" memberikan motivasi kepada beliau untuk terus memberikan sumbangan kepada universiti. Beliau mula berkhidmat pada 15 September 2003 selaku Penolong Pendaftar di Unit Pentadbiran & Kewangan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UTeM.

Pada peringkat kebangsaan beliau merupakan ahli Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti Malaysia (MAKLUM), ahli Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) dan ahli Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Beliau juga telah menyumbang kepada pembangunan Modul Kesukarelawan Pelajar bersama MASKUM, Modul Latihan Kepimpinan Pelajar MAKLUM serta buku Asas Pembudayaan Keusahawanan terbitan Penerbit UUM.

Penglibatan beliau dalam program kebangsaan termasuklah selaku ahli Jawatankuasa Induk Konvensyen Majlis Perwakilan Pelajar IPTA Peringkat Kebangsaan 2009 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Berteraskan kepada kata-kata "ilmu adalah pakaian hidup" beliau telah menerima Anugerah Peminjam Bahan Perpustakaan Tertinggi bagi Tahun 2009 daripada Perpustakaan UTeM.

Namun begitu, penghargaan ini tidak akan lengkap tanpa kerjasama staf-staf beliau khususnya di Unit Pentadbiran dan di Bahagian Pembangunan Pelajar serta semua staf HEPA umumnya.

"Berteraskan kepada kata-kata "ilmu adalah pakaian hidup" beliau telah menerima....."

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2004.Beliau kini merupakan Penolong Pegawai Belia & Sukan dan kini ditempatkan di Pusat Sukan.

Sebelum ini telah berkhidmat di Jabatan Sukan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA). Semasa di Jabatan Sukan HEPA beliau telah menjalankan tugas hakiki iaitu membuat pelbagai aktiviti berkaitan dengan sukan dan juga pertandingan dalam membentuk pelajar aktif dan berdaya saing.

Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam sukan(Olahraga) dan semasa dibawah pengandalian beliau di unit penyediaan atlit seramai 5 orang pelajar telah terpilih mewakili Malaysia di dalam Sukan Universiti Asean. Pada tahun 2009 UTeM menduduki tangga Ke-9 daripada 20 IPTA di Kejohanan Sukan MASUM dan ini membuktikan bahawa pelajar UTeM mampu memberikan semangat berdaya saing.



Ahmad Rhafaee Bin Samsudin
Pen. Pegawai Belia Dan Sukan

“Beliau aktif dalam program anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).”


Beliau memperoleh Sarjana Seni dari Institut Pengajian Tinggi di Indonesia serta memperoleh biasiswa dari pemerintah Indonesia dan terpilih sebagai pelajar cemerlang.

Mula berkhidmat di Unit Kebudayaan & Warisan HEPA sejak 15 Mei 2008 dan pernah terlibat sebagai Penyelaras Muzik Majlis Konvokesyen UTeM ke 4 & 5, penyelaras Koir Hari Kualiti UTeM 2008 & 2009, AJK persembahan MHS 2008 & 2009, Juri Pertandingan Nyanyian sempena Pesta Konvokesyen ke 5 UTeM.

Selain itu beliau turut membantu Orkestra UTeM meraih tempat ke 3 bagi Pertandingan Akustik MAKUM 2009. Beliau juga berperanan sebagai penyelaras Orkestra UTeM, Kumpulan Ghazal Seri Gemilang UTeM, Kumpulan Koir Pelajar UTeM, Kelab Nasyid UTeM serta aktif dalam program anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

Zaini Bin Abbas
Penolong Pegawai Kebudayaan






Hamidon bin Yaacob
Penolong Pegawai Perubatan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003. Beliau kini merupakan Penolong Pegawai Perubatan di Klinik Pelajar UTeM, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Beliau merupakan kakitangan perintis dalam pengwujudan Klinik Pelajar UTeM.

Di Klinik Pelajar beliau membantu Pegawai perubatan dalam merawat pesakit dan bertanggungjawab dalam pengendalian kes-kes kecemasan serta pasukan perubatan bagi acara-acara utama universiti.

Selain itu beliau terlibat dalam merangka pelan induk latihan bagi klasifikasi skim perubatan (u).Beliau juga aktif menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh universiti.



Muhammad Nizam Bin Mansor
Pembantu Tadbir (P/O)

Saya mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003 sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di Pejabat Pendaftar hingga tahun 2006. Saya ditukarkan ke Unit kenderaan, HEPA dari tahun 2007 sehingga kini.

Saya bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki sebagai Pembantu Tadbir (P/O) unit kenderaan, HEPA dalam membantu menyediakan kemudahan pengangkutan (bas) bagi memastikan setiap program atau aktiviti pelajar dan staf yang dirancang oleh UTeM berjalan dengan lancar.

Selain itu saya juga terlibat dalam merangka pelan laluan pergerakan bas dan pemandu bagi supaya kelancaran program atau aktiviti yang dirancang oleh Universiti berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, saya juga diamanahkan untuk menyelia pergerakan 22 orang pemandu HEPA supaya setiap pergerakan mereka teratur dan terancang. Keselesaan serta keselamatan staf dan pelajar adalah perkara yang diutamakan.

Satu penganugerahan yang di luar jangkaan. Syukur dan terima kasih padanya. Terima kasih pada pihak pengurusan Universiti, pegawai-pegawai HEPA dan rakan-rakan sekerja yang banyak membantu serta pemandu-pemandu HEPA yang tidak kenal erti lelah. Anugerah ini sesungguhnya adalah untuk semua, kerana itu adalah amanah dan kita adalah satu pasukan.


“Keselesaan serta keselamatan staf dan pelajar adalah perkara yang diutamakan...”

Saya mula berkhidmat sebagai pemandu kenderaan bermotor di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 15 September 2003. Saya ditugaskan membawa mahasiswa-mahasiswi dan juga staf mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Saya menganggap ini adalah satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saya. Saya dengan tulus ikhlas menunaikan tanggungjawab ini demi membantu UTeM melancarkan perjalanan program harian di dalam universiti serta program luar seperti kursus, program sukan dan lain-lain.

Saya sungguh tidak menyangka bahawa saya dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang buat kali kedua sepanjang perkhidmatan saya di UTeM ini. Saya amat bersyukur dengan penganugerahan ini, namun saya tetap akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan saya sebagai pemandu di universiti ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang Maha Esa dan pihak pengurusan dengan penganugerahan ini. Semoga usaha saya diberkati oleh yang Maha Esa.



Husin bin Aji
Pemandu Kenderaan Bermotor

“saya tetap akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan saya sebagai pemandu di universiti ini...”




Pejabat Pendaftar

Ketua Penolong Pendaftar

Syukur alhamdulillah kerana sekali lagi terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang buat kali kedua.


Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga & rakan sekerja yang banyak membantu , memberikan sokongan dan dorongan untuk terus maju serta memberikan kekuatan & semangat dalam menerima cabaran dan menyelesaikan segala tugasan yang diberikan.

Sepanjang 2009 saya telah menguruskan pembekalan pakaian seragam staf bagi tahun 2008-2009. Pemilihan tukang jahit telah ditukar dari sistem tender kepada sistem panel jahit dengan melantik panel jahit kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan. Kesan daripada perubahan tersebut, kami telah dapat menghasilkan pakaian seragam untuk 2 tahun bagi tahun 2008 & 2009. Sebanyak 5% sahaja laporan diterima dari staf yang menghantar untuk memperbaiki baju mereka. Bermula tahun 2010 semua pakaian seragam telah dapat disiapkan mengikut jadual.

Selain itu penggunaan sistem perakam waktu berkomputer telah di perbaiki penggunaannya. Bermula tahun 2009 Pegawai Pemantauan dan Pembantu Pemantauan Sistem Perakam Waktu Berkomputer telah dilantik di setiap PTj. Setiap PTj telah diminta untuk menghantar laporan staf yang bermasalah ke BPO untuk diambil tindakan. Melalui cara ini kelewatan staf telah dapat di pantau dan dikawal.

Selain kerja-kerja hakiki saya telah diberikan tanggungjawab membantu menguruskan acara rasmi Universiti seperti urusan Pendaftaran Pelajar Baru bagi Sesi 2009/2010, menguruskan Persiapan Majlis Konvokesyen 2009, Hari Qualiti UTeM 2009, Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri, Lawatan Tuan Yang Terutama Canselor ke UTeM dan sebagainya.

Penganugerahan ini bukan nokhtah untuk menyumbangkan kerja yang terbaik malah ia merupakan inspirasi kepada saya untuk terus mencurahkan bakti serta penghasilan mutu kerja yang cemerlang.





Siti Norashikin Bt Mohd Yunus
Penolong Pendaftar

Beliau memulakan kerjaya sebagai peguam di beberapa firma guaman selama tiga tahun di Melaka dan Shah Alam setelah menjalani latihan dalam kamar selama sembilan bulan untuk didaftarkan sebagai Peguambela & Peguam cara.

Mula berkhidmat di UTeM sebagai Penolong Pendaftar pada 10 Mac 2008 di Pejabat Pendaftar dan kemudiannya telah bertukar penempatan ke Pejabat Hal Ehwal Perundangan. Sepanjang berkhidmat di UTeM, beliau aktif sebagai Ahli Majlis Penasihat Undang-Undang IPTA, Ahli Jawatankuasa Kecil Penggubal Perlembagaan IPTA dan Ahli Jawatankuasa Kecil Penggubal Perundangan Subsidiari IPTA.

Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Graduan selama dua tahun berturut-turut, mewakili Universiti dalam acara perbarisan peringkat negeri Melaka sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ke-51 dan mewakili Pejabat Pendaftar dalam sukan badminton dan bola jaring dalam pada tahun 2008 dan 2009.

Beliau sangat bersyukur atas anugerah yang diterima ini dan berdoa agar terus diberikan kesihatan yang baik untuk terus cemerlang menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.


Nadhia
Omar

Beliau mampu bekerjasama dan boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan serta berkebolehan dalam mewujudkan suasana kerja yang mesra. ”

Beliau merupakan seorang staf yang dedikasi dalam menjalankan tugas yang diberikan dan menepati kualiti kerja yang dikehendaki. Beliau juga kreatif dalam mengeluarkan idea baru serta membuat pembaharuan bagi mempertingkatkan kualiti kerja dan produktiviti unit, contohnya, menghasilkan kerja yang efektif dan efisien sebagai urus setia dalam menjalankan proses temu duga untuk pengambilan baru dan kenaikan pangkat staf.

Kebolehan beliau dalam menyampaikan maksud dan pendapat berkaitan dengan bidang tugas merangkumi penguasaan bahasa melalui tulisan dan lisan adalah sangat baik. Beliau mampu bekerjasama dan boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan serta berkebolehan dalam mewujudkan suasana kerja yang mesra. Beliau juga mampu untuk mempelajari dengan pantas dan mengguna pakai modul Sistem Permohonan Perjawatan Secara On-Line yang telah dibangunkan dengan baik dan berkesan serta membantu dalam penambahbaikan sistem tersebut.

Di samping itu beliau terlibat secara aktif sebagai pengacara bagi majlis-majlis utama Universiti seperti Majlis Konvokesyen UTeM dan Majlis Hari Kualiti UTeM 2008.

Beliau juga melibatkan diri dengan aktiviti luar UTeM terutamanya dengan bergiat aktif bersama Badan Amal Dan Kebajikan Anggota Tentera (BAKAT) dengan menjadi pengacara majlis bagi acara-acara yang dianjurkan oleh badan tersebut.


Nadhia binti Gafar
Pembantu Tadbir (P/O)

Omar Bin Abdul Aziz
Penolong Pegawai Tadbir

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2008. Beliau kini merupakan Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Di Pejabat Pendaftar, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas seperti menguruskan hal-hal berkaitan persaraan staf UTeM, urusan Rekod Perkhidmatan Staf dan Fail Peribadi staf, menguruskan pelbagai permohonan elaun diantaranya ialah Elaun Pakaian Panas, Elaun Pakaian Istiadat serta Pakaian Rasmi dan sebagainya.

Beliau juga terlibat dan membantu dalam membangunkan serta melaksanakan Modul Elektronik Rekod Perkhidmatan (e-RP). Selain itu beliau juga aktif dalam aktiviti rekreasi yang dilaksanakan oleh pihak Universiti dan Pihak Badan Kebajikan UTeM (BAKUTeM), beliau juga sentiasa komited dalam mengikuti kursus, bengkel dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak Universiti dan turut terlibat dalam sukan Badminton, Tenis dan Ping Pong peringkat Jabatan.



Rosli Bin Mahmood
Pembantu Tadbir (P/O) Kanan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 10 Jun 2002 sebagai Pembantu Tadbir di Pejabat Pendaftar berstatus Pekerja Sambilan. Beliau diberi peluang oleh UTeM untuk menjawat jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Sementara dan ditempatkan di Unit Perjawatan, Pejabat Pendaftar pada 23 Jun 2003.

Di atas komitmen sepanjang 9 bulan berkhidmat, beliau kemudiannya ditawarkan jawatan yang sama secara Tetap pada 01 Mac 2004 dan ditempatkan di Unit Peperiksaan di Bahagian Pengurusan Akademik. Sepanjang bertugas di Bahagian Pengurusan Akademik, beliau telah memberi sumbangan idea dalam melicinkan proses pelaksanaan Ujian MUET.

Beliau bekerjasama dalam mewujudkan Borang Ujian MUET yang digunapakai oleh pelajar UTeM sehingga kini. Di atas pengalaman dan sumbangan beliau, tanggal 2 Julai 2008, beliau telah dilantik sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Kanan dan ditukarkan ke Unit Penilaian Tahap Kecekapan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia untuk membantu dalam pelaksanaan Peperiksaan dan Kursus PTK bagi staf UTeM.

Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Pengurusan Aset di Pejabat Pendaftar. Kini cabaran tugas beliau telah bertambah, apabila terlibat sepenuhnya dalam menjayakan program CPD yang merupakan agenda baru Universiti dalam melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat bagi staf UTeM.


Aidatul Azuin Binti Sarifuddin
Pembantu Tadbir (P/O)

Mula berkhidmat di UTeM pada 21 Januari 2008 sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Bahagian Perundangan di Pejabat Pendaftar. Bidang tugas tertumpu kepada membantu dalam pelaksanaan penyediaan Dokumen Perundangan iaitu Statut, Kaedah, Peraturan UTeM, MoU dan MoA Universiti, pelaksanaan AUKU dan Perlembagaan Universiti serta mengendali urusan Pecah Kontrak dan Litigasi.

Antara sumbangan sukan yang terlibat adalah mewakili Jabatan Pejabat Pendaftar dalam acara Tenpin Bowling, Badminton dan Olahraga. Manakala sumbangan pada Universiti adalah dalam acara Tenpin Bowling di Kejohanan SUKUM ke-34 di Terengganu. Selain dari itu, terlibat menjadi Urusetia Persembahan bagi Minggu Haluan Siswa Sesi 2009/2010.

Disamping tugas-tugas hakiki, turut bergiat aktif dalam program anjuran Universiti seperti kursus, seminar, bengkel dan turut menjadi urusetia bagi Taklimat Perdana AUKU 1971 yang berlangsung di MITC dan juga terlibat dalam koir Puspanita untuk Majlis Hi-Tea di Hotel Seri Malaysia.




Azrai
Saiful

Saiful Anuar bin Mohamad
Pembantu Tadbir (P/0)

"Sebaik-baik Manusia Adalah Yang Banyak Memberi Manfaat Kepada Orang Lain"- Hadith Riwayat Al-Qudhi. Itulah prinsip yang dipegang oleh beliau dalam memikul setiap bebanan tugas dan tanggungjawab di Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan khususnya dan Pejabat Pendaftar secara amnya.

Di samping menjalankan tugas-tugas hakiki, beliau turut aktif melibatkan diri sebagai urus setia kursus & bengkel anjuran Pejabat Pendaftar, Majlis Konvokesyen Ke-5 UTeM dan juga sering mewakili Pasukan Ping Pong & Tenis Pejabat Pendaftar di kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) UTeM.

Sebagai penghargaan, beliau memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt di atas kurniaan rahmatnya dan berterima kasih kepada semua para pegawai dan rakan-rakan beliau di Pejabat Pendaftar yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna. Amin.

"Sebaik-baik Manusia Adalah Yang Banyak Memberi Manfaat Kepada Orang Lain..."

Azrai bin Abdul Aziz telah ditugaskan di Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dengan melaksanakan segala proses kerja untuk Kursus Anjuran UTeM. Beliau juga turut membantu dalam proses kerja Kursus Anjuran Luar dan mahir dalam proses kerja pentadbiran.

Beliau telah memberi banyak sumbangan dari segi idea dan tenaga untuk melancarkan program yang telah dirancang khususnya dalam menjayakan Kursus Anjuran UTeM. Beliau tidak pernah merungut atau memberi alasan apabila diberi tugasan. Beliau sanggup berkorban masa selepas waktu bekerja untuk menyempurnakan tugasan yang diberikan. Selain sanggup bekerja lebih masa pada hari biasa, beliau juga sanggup berkorban masa hujung minggu untuk memberi khidmat sebagai urusetia kursus/bengkel/ program sehingga selesai dengan jayanya.

Beliau juga telah memberi sumbangan dalam sukan dengan mewakili Pejabat Pendaftar dalam acara bolasepak. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Selain memberi sumbangan beliau di UTeM, beliau juga memberi sumbangan kepada masyarakat apabila beliau telah dilantik sebagai Naib Ketua Gerakan Belia 4B yang mana dengan pelantikan beliau, beliau dapat memberi imej kepada masyarakat bahawa staf UTeM berpotensi dan berkaliber.


Azrai bin Abdul Aziz
Pembantu Tadbir (P/0)

Malaysia Melaka pada 11 November 2002. Walaupun sebelum menyertai UTeM saya tidak mempunyai latihan khusus berhubung tatakerja pasukan beruniform, ianya tidak menjadi masalah besar bagi saya untuk memahami dan menghayati budaya kerja Bahagian Keselamatan. Segala kekurangan diri saya perbaiki dan pelajari segera manakala rakan-rakan sekerja yang lebih berpengalaman banyak membantu dan membimbing saya untuk meningkatkan kualiti kerja dan kualiti pergaulan.

Sebagai Pengawal Keselamatan, saya akan memastikan tahap kecergasan fizikal saya sentiasa di dalam keadaan baik dan sihat kerana tanggungjawab kerja saya menuntutkan tahap fizikal yang kuat, sihat dan cergas. Sehubungan itu, saya sentiasa berusaha untuk aktif diri di dalam aktiviti sukan. Bagi tahun 2009, saya mewakili Bahagian Keselamatan dan Pejabat Pendaftar di dalam sukan Bola Tampar.


Saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan syukur kehadrat Allah swt di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang dikurniakan kepada saya. Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri, anak-anak dan keluarga saya kerana sentiasa menyokong dan memahami kerjaya saya, Terima kasih juga kepada kepimpinan UTeM dan rakan sekerja yang banyak membantu kerjaya saya sehingga terpilih sebagai penerima anugerah pada tahun ini.

Mudah-mudahan anugerah ini akan menjadi dorongan kepada saya untuk terus berkhidmat kepada UTeM dengan ikhlas, dedikasi dan berdisiplin.



Abdul Jalil Bin Mohamed
Pengawal Keselamatan

“Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri, anak-anak dan keluarga saya kerana sentiasa menyokong dan memahami kerjaya saya”




Saya bersyukur dengan anugerah yang diterima dan akan berusaha untuk .....

Berdasarkan pengalaman selama 16 tahun sebagai Pengawal Lapangan Terbang (MAB) dalam Jabatan Penerbangan Awam Malaysia diterima masuk UTeM pada 1hb Februari 2002 sebagai Pengawal Keselamatan.

Beliau kemudian diserapkan ke Unit Trafik sehingga tahun 2007, kemudian dinaikkan pangkat ke KP14 Pengawal Keselamatan Kanan sehingga sekarang. Beliau telah banyak menghadiri kursus-kursus yang dianjuran oleh UTeM bagi meningkatkan prestasi kerja di bahagian keselamatan seperti Pengukuhan Integriti, ESQ, Bomba (Pencegahan Kebakaran dan Menyelamat) disamping terlibat aktiviti pendaftaran pelajar baru (MHS), majlis konvokesyen, Hari Kualiti dan aktiviti pelajar dalam menjaga keselamatan dan lalulintas bagi menjayakan program yang dianjurkan.

Saya bersyukur dengan anugerah yang diterima dan akan berusaha untuk menambah baik kualiti perkhidmatan di masa akan datang.

Omar bin Abu Bakar
Pengawal Keselamatan Kanan



Zakaria bin Aziz
Pengawal Keselamatan

Saya mula berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka mulai 15 Mac 2002 sebagai pengawal keselamatan gred KP11. Selain melaksanakan tugas mengawal dan menjaga keselamatan am kampus, saya juga bertanggungjawab membuat tugas-tugas pentadbiran kenderaan, pentadbiran, peralatan pakaian seragam dan kawalan penyimpanan anak kunci pendua PTj yang disimpan di Bahagian Keselamaan.

Saya juga terlibat secara aktif di dalam mengawal keselamatan di dalam program utama UTeM seperti Pendaftran Pelajar Baru, Minggu Haluan Siswa, Majlis Konvokesyen dan lain-lain program yang dianjurkan dari masa ke semasa oleh Universiti.

Saya sangat berterima kasih kepada seluruh warga Bahagian Keselamatan yang selama ini memberi sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bagi untuk membantu saya dalam melaksanakan tugas harian. Saya juga amat berterima kasih kepada keluarga saya yang disayangi kerana memahami kerjaya saya.

Bagi mengekalkan kecergasan dan kesihatan diri, saya telah mewakili Bahagian Keselamatan di dalam Sukan Keselamatan IPTA bagi acara Bola Tampar dan Sepak Takraw yang diadakan di Universiti Darul iman Malaysia Terengganu. Selain itu, saya juga mewakili Pejabat Pendaftar pada setiap kali pertandingan sukan antara PTj diadakan.

Saya mula berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 12 nov 2002 sebagai Pengawal Keselamatan gred KP 11. Sebelum ini mempunyai pengalaman bekerja selama 6tahun sektor swasta di Gateway 2000 Cheng Melaka.

Di Bahagian Keselamatan saya memengendalikan urusan kaunter berhubung pelekat kenderaan, menyediakan statistik pengeluaran pelekat kenderaan,mengumpul menyemak dan memproses laporan kesalahan pelajar. Saya juga terlibat secara aktif didalam mengawal keselamatan didalam program utama UTeM seperti pendaftaran pelajar baru, minggu haluan siswa, majlis konvokesyen dan majlis-majlis lain dianjurkan diperingkat universiti.

Saya amat bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini. Bagi saya anugerah ini menguatkan lagi semangat dan iltizam saya untuk bekerja dengan lebih gigih. Sokongan daripada pegawai keselamatan dan serta kawan-kawan juga banyak memberi keyakinan dan kepercayaan kepada saya. Selain itu saya turut mewakili UTeM dalam sukan keselamatan IPTA dalam acara bola tampar di Universiti Darul Iman Malaysia Terengganu.

“Bagi saya anugerah ini menguatkan lagi semangat dan iltizam saya untuk bekerja dengan lebih gigih...”

Halimah binti Md Yatim
Pengawal Keselamatan



Jusni bin Johan
Pembantu Am Pejabat

Syukur Alhamdulillah kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini.

Saya telah berkhidmat di UTeM bermula 19 september 2003 dan mula melaporkan diri di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer selama 5 tahun. Pada 12 febuari 2008 saya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Organisasi


Sepanjang saya berkhidmat di Pejabat Pendaftar (BPO) selain kerja-kerja hakiki saya juga telah terlibat untuk menjayakan Minggu Haluan Siswa, Majlis konvokesyen dan Perutusan Naib Cancelor. Saya juga aktif didalam aktiviti sukan dan pernah mewakili UTeM dalam bola sepak dan mewakili jabatan dalam aktiviti sukan.

Penganugerahan ini bukan noktah untuk menyumbangkan kerja yang terbaik malah ia merupakan inspirasi kepada saya untuk terus mencurahkan bakti serta penghasilan mutu kerja yang cemerlang.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga & rakan sekerja yang banyak membantu , memberikan sokongan dan dorongan untuk terus maju serta memberikan kekuatan & semangat dalam menerima cabaran dan menyelesaikan segala tugasan yang diberikan.



Pejabat Bendahari



Suriyanty binti Kasban
Pembantu Akauntan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 22 Februari 2008 dan ditempatkan di Unit Rekod Aset dan Stor Bekalan Pejabat, Pejabat Bendahari. Antara tugas beliau adalah memastikan pengurusan aset di universiti dilaksanakan secara teratur dari aset/inventori didaftarkan sehingga dilupuskan. Terlibat dalam pemantauan perpindahan kampus dari Kampus Industri ke Kampus Induk.

Selain tugas hakiki, beliau juga diamanahkan sebagai Felo Kediaman Mahasiswa Luar (Batu Berendam) merangkap penasihat/penyelaras program di bawah Jawatankuasa Kediaman Mahasiswa Luar (JKML), Timbalan Pengerusi Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI), Bendahari Persatuan PERASA, Ahli Jawatankuasa Promosi Program 5S, Jawatankuasa Persekitaran dan Kesihatan Pekerja, Penolong Bendahari Program Amal Palestin (Puspanita), Jawatankuasa Iftar bersama Tuan Yang Terutama, dan Jawatankuasa Pelaksana Konvokesyen ke-5.

Selain itu, sepanjang tahun 2009, beliau aktif mewakili Pejabat Bendahari dalam Sukan Antara Jabatan bagi acara Badminton, Boling, Boling Padang, Bola Jaring, olahraga 100m dan Lontar Lembing.

Zainab binti Amir
Pembantu Akauntan Kanan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 12 Mac 2003 dan ditempatkan di Unit Kewangan dan Terimaan sehingga Februari 2008.

Kini beliau ditugaskan di Unit Pembayaran yang menguruskan pembayaran bagi Pusat Tanggungjawab dan beliau juga menguruskan Panjar Wang Runcit bagi semua Pusat Tanggungjawab.

Selain tugas hakiki, beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Promosi Program 5S Pejabat Bendahari dan ahli Kumpulan Innovatif dan Kreatif (KIK).



Suriyanty
Zainab

Muhammad Redzuan Bin Ahmad
Penolong Akauntan

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 22 Mac 2004 dan ditempatkan di Unit Biasiswa dan Akaun Pelajar sebagai Pembantu Akauntan di Pejabat Bendahari. Pada 23 Januari 2008 saya telah dipindahkan ke Unit Perolehan sebagai Penolong Akauntan. Antara tugas saya adalah membantu merancang, mengawasi dan menyelia operasi di Unit Perolehan.

Saya juga terlibat sebagai urus setia bagi mesyuarat–mesyuarat utama bagi Perolehan Universiti dan menjadi penceramah berkaitan dengan perolehan bagi kursus kewangan dan juga kursus induksi. Selain tugas hakiki, saya juga dilantik sebagai Bendahari Kelab Pejabat Bendahari (KEJARI) dan Ahli Jawatankuasa Latihan Program 5S.

Saya juga terlibat secara langsung dalam Pembangunan Sistem Maklumat Kewangan (SMKB) Universiti dan turut terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa bagi Program–program Rasmi yang dianjurkan oleh Universiti seperti Majlis Konvokesyen dan Pendaftaran Pelajar Baru. Selain itu, pada tahun 2009 saya telah mewakili Pejabat Bendahari dalam Sukan Antara Jabatan bagi acara Bola Tampar.



“Saya juga terlibat sebagai urus setia bagi mesyuarat–mesyuarat utama bagi Perolehan Universiti”


Pejabat Perpustakaan


Arman
Fatilah



Beliau mula memberikan berkhidmat sebagai Pustakawan di Perpustakaan UTeM mulai 2 Januari 2002 dan bertanggungjawab membantu menguruskan Unit Sirkulasi, Unit Rujukan & Maklumat, Unit Pengindeksan dan Unit Pentadbiran & Kewangan.

Sepanjang perkhidmatan di UTeM, beliau turut juga memberikan komitmen sebagai fasilitator kursus induksi umum & khusus, pegawai pengiring majlis konvokesyen Universiti, panel juri pertandingan debat Universiti, ahli jawatankuasa PRAKTIS, ahli jawatankuasa pengurusan aset dan perolehan terus bekalan, perkhidmatan jabatan.

Dengan anugerah yang diterima ini, beliau melahirkan rasa syukur dan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti, Ketua Pustakawan, rakan sekerja serta keluarga yang memberikan bantuan, tunjuk ajar serta dorongan selama ini.

Arman Bin Mohammad
Pustakawan Kanan

“terima kasih kepada Ketua Pustakawan dan para Pegawai Perpustakaan di atas tunjuk ajar dan teguran yang diberi.”

Fatilah Binti Ramly
Pembantu Tadbir (Kewangan)

Memulakan perkhidmatan sebagai Pembantu Tadbir Kewangan pada 09/02/2008 di Pejabat Perpustakaan sejak mula berkhidmat di UTeM. Bertanggungjawab dalam urusan kewangan di Perpustakaan. Selain itu saya aktif menghadiri kursus dan terlibat sebagai AJK di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Perpustakaan seperti festival membaca.

Disamping itu saya telah mewakili jabatan perpustakaan untuk sukan antara jabatan UTeM dalam sukan bola jaring,bola tampar,olahraga dan karom. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pustakawan dan para Pegawai Perpustakaan di atas tunjuk ajar dan teguran yang diberi sepanjang perkhidmatan saya sehingga kini. Kepada juga teman-teman di UTeM yang banyak bekerjasama dalam semua hal demi memajukan organisasi(UTeM).

Tidak dilupakan kepada semua ahli keluarga tercinta atas jasa yang tidak terhingga.Akhir kata dari saya, Inilah ‘Kejayaan Bersama’. Terima Kasih yang tidak terhingga kepada insan-insan yang terlibat secara langsung atau pun tidak. Alhamdullilah

anugerah ini adalah kejayaan dari kerjasama warga Perpustakaan

Syukur ke hadrat Ilahi, kepada yang maha mencipta seluruh alam. Kejayaan dan anugerah ini adalah kejayaan dari kerjasama warga Perpustakaan iaitu rakan seperjuangan yang tercinta dalam menjalankan tugas serta Ketua Jabatan yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat untuk kebaikan dan kemajuan diri dalam kerjaya saya. Melaporkan diri pada 02 Januari 2002 di Pejabat Perpustakaan adalah titik permulaan cabaran seorang Penjawat Awam dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Pembantu Perpustakaan dalam menguruskan Perkhidmatan Kaunter Sirkulasi dan menguruskan proses pembelian jurnal/majalah sehingga dapat dirujuk oleh pengguna perpustakaan.

Disamping itu saya telah mewakili jabatan perpustakaan untuk sukan antara jabatan UTeM dalam sukan Karom, Bowling, Badminton dan Boling Padang (Piala Toh Puan Sagiyah – Klang). Saya juga dilantik sebagai AJK Kemasyarakatan Jabatan Perpustakaan, Ahli PUSPANITA, AJK Keceriaan Majlis Hari Raya Peringkat UTeM, AJK Pendaftaran "Melestarikan Pusat Sumber Sekolah sebagai Nadi Kecemerlangan Diri Pelajar" dan | AJK Festival Membaca 2009. Kepada juga teman-teman di UTeM yang banyak beri kerjasama dalam semua hal demi memajukan organisasi (UTeM).

Tidak dilupakan kepada semua ahli keluarga tercinta atas doa dan dorongan yang ikhlas dari mereka. Akhir kata dari saya, inilah 'Kejayaan Bersama'. Terima Kasih yang tidak terhingga kepada insan-insan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Alhamdulillah atas Anugerah ini.

Nor Aini binti Md. Jali
Pembantu Perpustakaan



Jumakyah Binti Yacoob
Pembantu Perpustakaan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi, di atas limpah dan kurnia-Nya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Jabatan, pegawai dan semua staf Perpustakaan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan teguran untuk kebaikan dan kemajuan organisasi.

Memulakan perkhidmatan sebagai Pembantu Perpustakaan pada 1 jun 2004 di Pejabat Perpustakaan, mengendalikan dan menguruskan pembelian dan penerimaan buku untuk rujukan pengguna Perpustakaan. Disamping itu saya juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti persatuan seperti PUSPANITA, AJK Kelab LISTAC, AJK Festival Membaca, AJK Keceriaan, dan AJK Pelaksana Kecil Perubatan Majlis Konvokesyen ke 5.

Terima kasih kepada semua rakan-rakan di UTeM yang telah banyak memberi kerjasama dalam semua hal demi untuk memajukan organisasi (UTeM) dan terima kasih yang tak terhingga kepada insan-insan yang terlibat secara langsung atau pun tidak. Akhir kata dari saya, kejayaan ini adalah kejayaan bersama.


AKAAN
Jumakyah
Aini
PERPUSTAKAAN

Zuraidah binti Amar
Penolong Pegawai Perpustakaan

Mula melaporkan diri di UTeM pada 17 November 2008 sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan dan bertugas secara rasmi di Pejabat Perpustakaan UTeM. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas berkaitan sistem dan ICT serta penambahbaikkan kualiti Laman Web Perpustakaan untuk penggunaan umum.


Sering melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh UTeM mahupun Perpustakaan serta aktif menghadiri kursus-kursus yang disediakan. Tidak ketinggalan juga menyertai program-program berbentuk Ilmiah yang dijayakan oleh UTeM dan Perpustakaan sendiri. Jutaan terima kasih di ucapkan kepada Ketua Pustakawan, Pn. Hajah Faridah binti Hj. Md Amin serta pegawai-pegawai di perpustakaan atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan dalam menjalankan tugas harian di Perpustakaan.

Begitu juga kepada rakan-rakan seorganisasi dan sejabatan yang banyak membantu dan bekerjasama dalam mencapai visi dan misi UTeM dan Jabatan Perpustakaan. Semoga usaha yang berterusan akan menghasilkan kejayaan yang berpanjangan, tiada kejayaan tanpa bimbingan, tidak akan berjaya tanpa kakitangan yang berwawasan.



“Semoga usaha yang berterusan akan menghasilkan kejayaan yang berpanjangan..”


Fakulti
Kejuruteraan Elektronik &
Kejuruteraan Komputer



“tenaga pengajar perintis untuk program sarjana secara kerja kursus di Fakulti.”

Beliau berkhidmat di UTeM seawal 2006. Beliau kini merupakan Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah berkaitan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran.

Beliau menyumbang tenaga sebagai tenaga pengajar perintis untuk program sarjana secara kerja kursus di Fakulti. Juga, beliau menyelia 7 orang pelajar sarjana penyelidikan dan seorang pelajar sarjana kerja kursus. Beliau mengetuai kumpulan penyelidikan komunikasi wayarles di bawah Kluster Sistem Jalurlebar dan Multimedia.

Beliau juga aktif menulis dan telah menerbitkan sebuah buku, 4 buah bab buku, 2 jurnal dan lebih 20 prosiding antarabangsa.

Mohd Riduan bin Ahmad
Pensyarah

Mohamad Zoinol Abidin bin Abd Aziz
Pensyarah


Beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah Jabatan kejuruteraan Telekomunikasi di FKEKK sejak 15 November 2005. Selain menjalankan tugas dalam pengajaran dan pembelajaran, beliau juga menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat fakulti.

Di dalam bidang penyelidikan, beliau telah menulis beberapa kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, beliau juga turut menyertai beberapa pertandingan rekacipta.

Beliau bersyukur dan percaya apa yang telah dicapai masih terlalu jauh untuk diperkatakan dan ia tidak mungkin diperolehi melainkan keizinan dariNya serta sumbangan dan kerjasama dari semua pihak.



“apa yang telah dicapai masih terlalu jauh untuk diperkatakan.”



Redzuan bin Abdul Manap
Pensyarah

Dengan memanjatkan kesyukurannya kepada ALLAH SWT, Redzuan ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pentadbiran FKEKK atas pencalonan beliau sebagai salah seorang penerima APC 2009. Beliau merasakan dirinya cukup bertuah kerana dikelilingi dengan staf-staf yang berprestasi tinggi sehinggakan membantu meningkatkan prestasi kerja beliau.

Tahun 2009 menyaksikan beliau telah diberi peluang untuk menyumbang khidmat di peringkat Universiti dan FKEKK. Di peringkat Universiti, beliau merupakan AJK Penggubalan Dasar dan Polisi Pengantarabangsaan UTeM dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Amal Jariah UTeM. Di peringkat FKEKK pula, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Telekomunikasi selain memegang beberapa jawatan lain seperti Penyelaras JK Akreditasi, Pengerusi JK Keselamatan Makmal, Penasihat Persatuan Pelajar FKEKK (EcCESS), AJK Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, AJK Latihan Industri, AJK Teknikal JTEC serta AJK INOTEK 2009.

Di bidang penyelidikan dan penerbitan, beliau terlibat dalam 3 geran penyelidikan jangka pendek UTeM dan telah menghasilkan 3 jurnal, 3 kertas kerja prosiding serta 1 modul pengajaran sepanjang tahun 2009. Selain itu, beliau juga aktif menghadiri kursus dan bengkel serta turut terlibat dalam sukan bolasepak, futsal dan bola tampar di peringkat fakulti. Beliau berharap agar segala kuantiti dan kualiti kerja yang telah disumbangkan sepanjang tahun 2009 tersebut sedikit sebanyak membantu fakulti khususnya dan UTeM amnya dalam mencapai KPI yang ditetapkan bagi 8 Objektif UTeM seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik UTeM 2009-2010.

Mazran bin Esro
Pensyarah

Mula berkhidmat di UTeM sejak tahun 2004. Beliau kini merupakan pensyarah di Jabatan Elektronik Industri, FKEKK. Di fakulti, beliau bertanggung jawab menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah iaitu aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran.

Beliau juga merupakan penyelaras laman web fakulti, ahli jawatankuasa penerbitan fakulti, ahli jawatankuasa Projek Sarjana Muda(PSM), AJK INOTEK 2009 dan beberapa jawatankuasa kecil yang di pegang di fakulti. Selain daripada tugas Akademik, beliau juga merupakan Presiden Kelab Staf FKEKK selama dua tahun sejak 2008. Pelbagai aktiviti kemasyarakan serta kebajikan staf fakulti telah dilaksanakan semasa beliau menjadi presiden Kelab.

Dalam bidang sukan, beliau juga merupakan penerima Anugerah MASUTEM sebagai jurulatih terbaik Universiti. Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Teknik Permainan Ping Pong UTeM dan bertindak sebagai ketua pasukan ping pong UTeM di kejohanan sukan staf antara universiti.


“Beliau merasakan dirinya cukup bertuah kerana dikelilingi dengan staf-staf yang berprestasi tinggi”
Redzuan
Mazran



Engr. Imran Bin Mohd Ibrahim
Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan)

Engr. Imran mula berkhidmat di UTeM sejak November 2005. Sebagai Timbalan Dekan dan Pembangunan FKEKK, beliau telah berjaya meningkatkan jumlah aktiviti penyelidikan di fakulti samada penyelidikan geran jangka pendek mahupun penyelidikan bersama industri. Pada tahun 2009, penyelidikan beliau bersama industri telah diberikan peruntukan geran Technofund oleh MOSTI bernilai RM 1.5 juta.

Selain itu, beliau telah membantu mengkoordinasikan 5 buah MoU dan 1 MoA antara FKEKK dengan industri. Beliau sendiri bertindak sebagai koordinator utama kepada 2 MoU dan 1 MoA tersebut. Engr. Imran aktif menerbitkan makalah ilmiah. Beliau telah terlibat dalam menulis 2 buah jurnal, 2 modul pengajaran dan 6 buah kertas kerja penyelidikan peringkat antarabangsa dan kebangsaan sepanjang tahun 2009. Beliau juga aktif sebagai penilai kertas kerja bagi beberapa buah persidangan peringkat dalam dan luar negara.

Pada tahun yang sama, beliau juga telah memenangi pingat perak di Malaysia Technology Expo (MTE), Kuala Lumpur dan International Trade Fairs Ideas Invention New Product (IENA), Nuremberg, Jerman melalui produk penyelidikan beliau iaitu Low Cost Microwave Absorber. Beliau juga telah dilantik sebagai Setiausaha Kehormat Jawatankuasa Eksekutif IEEE AP/MTT/EMC Chapter Malaysia Section untuk sesi 2009/2010. Pelantikan ini merupakan satu penghormatan kepada UTeM di atas keterlibatan UTeM dalam aktiviti-aktiviti IEEE di Malaysia mahupun diperingkat antarabangsa.

Sebagai menyumbang kepada masyarakat, beliau telah terlibat sebagai penceramah dan penilai projek inovasi kepada MRSM Terendak dan Politeknik Merlimau.

"pengiktirafan ini adalah penyuntik semangat dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan"



Ranjit Singh A/L Sarban Singh
Tutor

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan universiti kerana telah memilih saya sebagai salah seorang penerima khidmat cemerlang universiti. Bagi saya, pengiktirafan ini adalah penyuntik semangat dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi kerja. Saya memulakan kerjaya di UTeM pada 19 ogos 2008 sebagai Tutor. Sebagai staf akademik, saya juga terlibat dalam pembangunan akademik di fakulti seperti Jawatankuasa Akreditasi, pembangunan kursus "Bachelor of Computer Engineering (Computer System)".

Selain itu juga, saya juga terlibat dalam menjalankan beberapa penyelidikan. Hasil penyelidikan tersebut saya telah menerbitkan sebanyak sepuluh (10) kertas kerja prosiding dan jurnal. Salah satu kejayaan yang sangat membanggakan ialah menaikkan nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka di Brussels Innova 2009, The World Exhibition On Innovation, Research And New Technologies, Belgium dengan memenagi pingat emas serta "SPECIAL AWARD ENVIROMENT AND ENERGY".

Beliau mula mendaftarkan diri sebagai Jurutera Pengajar di Jabatan Industri, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer pada April 2004. Kini beliau sentiasa terlibat di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kaji selidik dan aktiviti seminar di fakulti.

Sepanjang tahun 2009, beliau memegang jawatan Penyelaras Seminar Fakulti dan amat aktif di dalam aktiviti kelab di FKEKK di mana beliau telah memegang jawatan Timbalan Presiden Kelab FKEKK 1 dan juga penyelaras bagi beberapa aktiviti kelab di sepanjang tahun 2009.

Dalam pada itu, beliau juga adalah wakil fakulti di dalam sukan bola tampar, sepaktakraw dan bola sepak.




Ahmad Sadhiqin bin Mohd Isira
Pensyarah

Puan Wong Yan Chiew adalah seorang pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer. Bidang beliau adalah dalam penghasilan produk litar bersepadu berdasarkan kepintaran buatan dan perisian bertaraf industri hasil dari pengalaman kerja di Infineon Technology dan Intel Technology. Beliau adalah seorang jurutera yang berdaftar dengan Badan Kejuruteraan Malaysia (BEM). Sepanjang tahun 2009, beliau telah menghasilkan sebanyak 21 jurnal/kertas kerja/buku samada "refereed' antarabangsa atau tempatan dalam bidang merekabentuk sistem kepintaran, mikroelektronik and mikro pengawal.

Beliau telah dianugerahkan "Best Paper Award" di International Conference on Engineering and ICT. Dari segi penyelidikan, beliau memimpin/ terlibat dalam 7 projek penyelidikan yang terdiri daripada FRGS dan PJP. Beliau telah menyelia 14 pelajar PSM dan 3 dari projek Industri. Penyeliaan ini telah membawa kemenangan Johan Keseluruhan, Johan Kategori, pingat Perak dan Gangsa dalam INOTEK 2009 bersama pelajar bzagi merapatkan kerjasama antara universiti dan industri, beliau telah menyertai Pertandingan ITEX, Pameran Minggu Pembinaan Wilayah dan Pameran Rekacipta, Inovasi dan Penyelidikan. Beliau dilantik menjadi ketua makmal Digit I dan berpegang 5 jawatankuasa peringkat fakulti.

Dari segi khidmat masyarakat, beliau telah menjadi penceramah Program Celik IT. Selain itu, beliau juga mengadakan kursus pendek OrCAD PSPICE dan menjadi penceramah kursus untuk berkongsi pengetahuan dengan staf akademik lain. Tidak lupa untuk bergiat aktif dalam sukan, beliau telah menyertai pertandingan bola tampar SAJ 2009 dan memenangi Naib Johan bersama pasukan wanita bola tampar FKEKK.

Wong Yan Chiew
Pensyarah




Serihate
Adawiyah

Rabiatul Adawiyah mula berkhidmat di UTeM pada 22 Disember 2008 dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sebagai setiausaha kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan). Beliau banyak membantu dan memudah cara urusan kerja Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan) dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi di fakulti.

Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Sekretariat untuk Jawatankuasa Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering (JTEC) serta Penolong Setiausaha pertandingan Innovation and Technolgy Competition (INOTEK 2009). Diperingkat kebangsaan, beliau telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha untuk Seminar On Underwater Technology & System 2009.

Rabiatul juga aktif dalam aktiviti sukan. Beliau terlibat dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) dengan memasuki acara olaraga, pertandingan karom serta pertandingan badminton. Pasukan badminton FKEKK yang disertai beliau telah berjaya meraih sebagai Johan keseluruhannya pada tahun tersebut. Beliau juga aktif menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan UTeM untuk peningkatan kerjaya.

Rabiatul Adawiyah Binti Haji Mohamad
Setiausaha

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 4 Februari 2008 dan merupakan staf Pejabat Bendahari tetapi ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sebagai Penolong Akauntan.

Bidang tugas saya adalah berkaitan dengan hal-hal kewangan fakulti serta dilantik menjadi Jawatankuasa Pemeriksa Aset dan Urusetia Pelupusan di FKEKK.

Di FKEKK, saya juga memegang jawatan sebagai Bendahari Kelab FKEKK selama 2 tahun berturut-turut iaitu untuk tahun 2009 dan 2010 serta dilantik menjadi Jawatankuasa Keceriaan Fakulti. Selain itu, saya juga memasuki pertandingan Karom, Sukan Antara Jabatan (SAJ) dan aktif menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan UTeM.

Serihate binti Mohd Isa
Penolong Akauntan

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UTeM kerana telah memilih saya sebagai salah seorang penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Universiti. Dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya, saya tidak memikirkan perkara lain melainkan memberi tumpuan dan komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan tugasan dengan baik.


Selain daripada tugas hakiki saya sebagai seorang pensyarah, saya juga aktif dalam penyelidikan. Hasil penyelidikan tersebut saya telah menerbitkan lebih kurang (10) kertas kerja diperingkat antarabangsa. Saya juga berjaya menghasilkan beberapa produk penyelidikan dan memenangi beberapa pingkat diperingkat antarabangsa dan kebangsaan.

Saya juga banyak melibatkan diri dengan pameran diperingkat negeri dan kebangsaan. Terima kasih atas sokongan dan pengiktirafan tersebut.

Engr. Siva Kumar Subramaniam
Pensyarah



“melainkan memberi tumpuan dan komitmen sepenuhnya...”



Mahadi bin Salleh
Juruteknik Kanan

Beliau mula berkhidmat di Universiti pada 05 Mac 2003 sebagai Juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

Beliau kini merupakan Juruteknik Kanan Jabatan Kejuruteraan Komputer FKEKK. Tugas beliau adalah memastikan segala pengajaran dan pembelajaran berkaitan makmal dapat dijalankan dengan jayanya. Disamping tugas-tugas hakiki yang dilaksanakan beliau juga bergiat aktif dalam bidang sukan untuk FKEKK, beliau telah mewakili FKEKK dalam sukan Bola Sepak, Ping Pong, Futsal dan Karom.

Disamping itu beliau juga aktif menyertai program dan aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh FKEKK mahupun UTeM. Beliau merupakan AJK Khidmat Komuniti FKEKK, AJK ISO FKEKK, AJK Emergency Response Team (ERT) FKEKK dan AJK Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan FKEKK.

Beliau amat bersyukur di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diberikan dan beliau berharap anugerah ini menjadi inspirasi untuk beliau terus berkhidmat dengan lebih cemerlang agar kecemerlangan sekarang menjadi permulaan untuk kecemerlangan yang berterusan.



Azizi Bin Osman
Juruteknik

Beliau mula berkhidmat sebagai Juruteknik di UTeM pada tahun 2004 dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Pejabat Pendaftar. Kemudian beliau ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (Makmal Pasca Siswazah) pada tahun 2008 sehingga kini. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai Juruteknik, beliau juga bertanggungjawab membantu para pelajar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka di Makmal pasca siswazah di bawah kelolaan Jabatan Telekomunikasi.

Beliau merupakan seorang yang bergiat aktif di dalam apa jua aktiviti di Fakulti dan Universiti antaranya mempromosikan UTeM khususnya dan Fakulti FKEKK umumnya kepada para pelajar serta masyarakat luar di seluruh Malaysia. Di peringkat Pusat Tanggungjawab pula, beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa bagi Kelab Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Selain bergiat aktif di peringkat Pusat Tanggungjawab, beliau juga terlibat secara langsung dalam melaksanakan aktiviti pengurusan graduan di Majlis Konvokesyen peringkat Universiti.

“rakan-rakan sepejabat menjadi panduan kepada saya untuk sentiasa melakukan yang terbaik..”

Puan Zainaria binti Surip
Pembantu Tadbir (P/O)




Saya mengucapkan jutaan terima kasih penuh kesyukuran di atas penghargaan yang diberikan. Pada pandangan saya penghormatan menerima anugerah perkhidmatan cemerlang ini sebagai tanda pengiktirafan terhadap sumbangan, tanggungjawab dan kesungguhan saya melaksananakan amanah yang diberikan.

Tugas yang dipikul dalam urusan pentadbiran akademik di fakulti telah banyak mengajar saya erti kesabaran dan kecekalan dalam berdepan dengan pelbagai isu akademik dan masalah pelajar. Nilai murni, dorongan, teguran dan tunjuk ajar daripada Timbalan dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) serta rakan-rakan sepejabat menjadi panduan kepada saya untuk sentiasa melakukan yang terbaik terhadap tugasan yang diberikan.

Salah satu kunci kejayaan ini ialah memastikan setiap tanggungjawab yang diamanahkan dilakukan dengan cemerlang dan tidak mudah berpuas hati dengan hasil yang diperolehi. Meskipun begitu saya percaya masih ada kelemahan pada diri saya yang perlu saya perbaiki.

Anugerah ini akan menjadi inspirasi buat saya untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh dalam membantu FKEKK mencapai objektif.




Fakulti
Kejuruteraan Elektrik

Md Hairul Nizam bin Talib
Pensyarah / Ketua Jabatan

Md Hairul Nizam mula berkhidmat di UTeM pada 2002 sebagai Jurutera Pengajar dan di lantik sebagai Pensyarah pada 2005. Beliau juga diberikan amanah untuk menerajui Jabatan Elektronik Kuasa & Pemacu dari 2007 sehingga 2010. Sebagai Ketua Jabatan, beliau banyak terlibat dalam merancang, melaksana dan menambahbaik aktiviti Jabatan selaras dengan keperluan Fakulti.

Selain itu, beliau juga banyak memberikan sumbangan dalam aktiviti JK di peringkat Fakulti dan Universi seperti JK OBE & Akreditasi, JK Latihan & Bengkel, JK Penyediaan Dokumen Audit Institusi dan JK Pengurusan Aset.

Dalam bidang penyelidikan pula beliau terlibat dalam beberapa geran PJP, FRGS dan penerbitan kertas kerja. Di samping itu, beliau juga pernah menjadi penceramah bertajuk Solar System di SMTTJ, Seremban dan juga Panel Kajian Kurikulum Diploma Kejuruteraan Elektrik di KUIM dan IKIP.





Mohd Hendra Hairi menjadi pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Elektrik bermula dari tahun 2003. Beliau banyak membantu dari segi pembentukan kurikulum kejuruteraan kuasa pada awal penubuhan KUTKM. Beliau juga adalah perintis kepada penubuhan subjek Perlindungan Sistem Kuasa dan perlaksanaannya melalui pengajaran dan pembelajaran di FKE.

Beliau berpengalaman luas dalam mengajar subjek kejuruteraan sistem kuasa seperti asas kejuruteraan kuasa, perlindungan sistem kuasa, teknologi elektrik dan rekabentuk sistem pengagihan kuasa. Bermula dari tahun 2007 beliau telah dilantik menjadi Ketua Jabatan Kuasa Industri dan memegang portfolio penyelaras Latihan Industri.

Beliau juga aktif dalam penyelidikan dan penerbitan dan telah menghasilkan 20 artikel ilmiah dan 6 modul pengajaran sehingga tahun 2009. Sebagai ketua jabatan beliau telah dilantik di dalam pelbagai jawatankuasa peringkat Universiti dan FKE.

Antara sumbangan terbesar beliau pada 2009 ialah sebagai ketua penyelaras pemurnian kurikulum BEKP, BEKE dan BEKC untuk 3 jabatan di FKE. Beliau juga ahli badan profesional IEEE, IET, IEM, CIGRE dan SEEM. Pernah menjadi penceramah jemputan di Kolej Matrikulasi Londang dan Kolej Matrikulasi Pahang. Beliau aktif dalam sukan Tennis Universiti.

Mohd Hendra bin Hairi
Pensyarah / Ketua Jabatan



Sulaiman bin Sabikan
Pensyarah

Beliau memanjatkan kesyukuran hanya kepada Tuhan Yang Maha Esa, di atas anugerah ini dan memohon kekuatan untuk menyempurnakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan. Beliau mula berkhidmat di UTeM pada Oktober 2003 di Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai Jurutera Pengajar di bawah Jabatan Mekatronik.

Beliau terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran, pembangunan makmal, penyelidikan, penyeliaan dan juga konsultansi. Banyak membantu dalam pembangunan kemudahan IT di fakulti, terutamanya website dan database. Telah dapat menyempurnakan pengajian sarjana secara penyelidikan di UTeM dan aktif dalam penyelidikan.

Kejayaan yang paling manis baginya ialah mendapat pingat emas di dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2009.


“Kejayaan yang paling manis baginya ialah mendapat pingat emas di PECIPTA..”


Beliau mula berkhidmat di FKE,UTeM mulai Mac 2004 sebagai Jurutera Pengajar. Selepas menamatkan pengajian Sarjana di United Kingdom, beliau dilantik sebagai Pensyarah mulai November 2007 dan berkhidmat sebagai Penyelaras Diploma di FKE mulai Oktober 2008. Sepanjang tahun 2009, beliau merupakan Pengerusi bagi Jawatankuasa Kebajikan, Sukan & Rekreasi dan Jawatankuasa Fasiliti & Penyelenggaraan di FKE.

Beliau turut diberi kepercayaan sebagai Pengerusi Biro Penginapan & Aktiviti ICEI 2010 dan AJK Majlis Makan Malam Konvokesyen UTeM Ke-5. Di peringkat Universiti pula, beliau merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Amal Jariah dan pernah dilantik sebagai penggubal dan pemeriksa kertas soalan PTK.

Muhamad Khairi bin Aripin
Pensyarah




Hisham
Azhar



Syahrul Hisham Bin Mohamad @ Abd. Rahman
Jurutera Pengajar

Kerjaya beliau sebagai seorang Jurutera Pengajar di Fakulti kejuruteraan Elektrik bermula pada tahun2008. Beliau ditempatkan dan ditugaskan sebagai Jurutera pengajar di Jabatan Pengajian Diploma dan Jabatan Kejuruteraan Elektronik Kuasa dan Pemacu.

Sebagai seorang Jurutera Pengajar, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran bagi pengajian diploma, membantu dalam bidang penyelidikan, penyeliaan projek diploma dan tugas-tugas jawatankuasa yang telah diamanahkan di peringkat fakulti.

Penglibatan beliau dalam aktiviti Jawatankuasa peringkat fakulti antara lain adalah dalam jawatankuasa latihan industri, jawatankuasa pameran dan inovasi dan jawatan keselamatan fakulti.

Selain itu beliau juga melibatkan diri dalam aktiviti bersama pelajar sebagai fasilitator kem universal, setiausaha kluster penyelidikan dan mewakili universiti dalam IENA 2009.

Azhar bin Ahmad
Pensyarah

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2006 sebagai Jurutera Pengajar. Kini beliau bertugas sebagai Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Elektrik bermula pada Julai 2007. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki sebagai Pensyarah di bawah Jabatan Kuasa Industri.

Sepanjang tahun 2009 beliau menjadi AJK Majlis Makan Malam Konvokesyen UTeM ke-5 dan AJK Penajaan ICEI 2010. Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa Fakulti untuk Jawatankuasa Latihan Industri, Jawatankuasa Penyelidiakan dan Pembangunan dan Jawatankuasa Projek Sarjana Muda.

Beliau juga aktif dalam penyelidikan dengan menjadi penyelidik utama dan penyelidik bersama dalam beberapa geran penyelidikan serta menjadi penyelia kepada 13 orang pelajar Projek Sarjana Muda(PSM) dan 3 orang pelajar Sarjana. Selain itu ,beliau juga di beri kepercayaan untuk memulakan program GREAT (Graduate Employability Enhancement and Added Value Training) dalam "Energy Manager Training" untuk pelajar tahun 4.

Fazlli Bin Patkar
Pensyarah



Fazlli bin Patkar memulakan khidmatnya sebagai tutor di UTeM pada Mei 2002 dan kemudiannya dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Elektronik Kuasa dan Pemacu, FKE pada Oktober 2004 setelah menamatkan pengajiannya di peringkat Sarjana.

Sepanjang perkhidmatannya beliau telah banyak menyumbang dan membantu di dalam melicinkan urusan pentadbiran di peringkat fakulti, samada yang berkaitan akademik mahupun bukan akademik, diantaranya dengan menganggotai Jawatankuasa Projek Sarjana Muda, Jawatankuasa Jadual Waktu, Jawatankuasa Pemurnian Silibus di samping Jawatankuasa Kebajikan, Sukan & Rekreasi.

Selain itu, beliau juga tidak ketinggalan menyumbang keringat di dalam bidang sukan di mana beliau mewakili fakulti dalam sukan bola sepak dan bola tampar di dalam Sukan Antara Jabatan, UTeM. Dalam bidang penyelidikan pula beliau terlibat dalam beberapa geran PJP, FRGS dan penerbitan kertas kerja di samping menjadi penyelia bersama untuk beberapa pelajar pasca siswazah.

Mohd Firdaus Bin Ghazali
Juruteknik Kanan


Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 7 Jun 2004. Beliau kini merupakan Juruteknik Kanan di Jabatan Elektronik Kuasa dan Pemacu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Di Fakulti beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki juruteknik iaitu aktiviti berkaitan amali dan penyelidikan yang dilakukan di dalam makmal. Dalam pada itu beliau membantu Penolong Jurutera dan Ketua Makmal berkaitan penambahbaikan alatan dan kelengkapan makmal.

Beliau juga membantu pihak pentadbiran di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Fakulti. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Jawatan Kuasa Kebajikan dan Khidmat Komuniti FKE serta terlibat di dalam jawatan kuasa keselamatan FKE.

Selain itu juga beliau aktif menghadiri kursus, bengkel yang dianjurkan oleh Fakulti mahupun universiti dan turut terlibat dalam sukan bola sepak dan badminton untuk kejohanan sukan antara jabatan UTeM.





Junaidah binti Kasim
Penolong Pendaftar

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003. Kini beliau sebagai Penolong Pendaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik bermula pada April 2008. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki sebagai Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Sepanjang tahun 2009 beliau menjadi Penyelaras Majlis Makan Malam Konvokesyen UTeM ke-5, Ketua Biro Kewangan ICEI 2010 merangkap Biro Penginapan serta Biro Sambutan dan Protokol.

Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa Fakulti untuk Jawatankuasa Kebajikan, Sukan & Rekreasi, Jawatankuasa Fasiliti & Penyelenggaraan dan Jawatankuasa Penerbitan di FKE. Beliau juga di beri kepercayaan sebagai Felo TTU 2 di Kolej Kediaman Taman Tasik Utama.

Selain itu beliau juga memberikan komitmen kepada Universiti dengan terlibat dalam Minggu Haluan Siswa sesi 2008/2009, Biro Sambutan untuk Majlis Konvokesyen ke 5 UTeM dan Fasilitator Induksi Umum dan Khusus tahun 2009.

Hidayat bin Zainuddin
Pensyarah

Beliau mula berkhidmat di FKE, UTeM pada 2003 sebagai Tutor. Selepas dilantik sebagai Pensyarah pada 2005, beliau banyak terlibat dalam program kecemerlangan akademik pelajar anjuran Fakulti dan aktiviti di peringkat Fakulti dan Universiti bagi JK OBE & Akreditasi dan JK Jadual Waktu.

Beliau juga terlibat dengan beberapa pembelian peralatan untuk pembangunan makmal. Sepanjang tahun 2009, beliau banyak menyumbang kepada penambahbaikan pelaksanaan OBE dan penyediaan dokumen akreditasi bagi kursus-kursus yang ditawarkan di Fakulti.

Dalam bidang penyelidikan, satu daripada 3 penyertaan beliau bersama pelajar tahun akhir di NRIC 2009 anjuran USM telah memenangi pingat gangsa melalui projek "Pico-hydro Generation For Residential Use".

Projek menggunakan geran PJP ini turut menyertai PECIPTA 2009 dan beberapa pameran penyelidikan yang disertai UTeM. Beliau turut terlibat dalam penulisan dan penerbitan 7 kertas kerja penyelidikan Persidangan Antarabangsa, perkhidmatan perundingan bagi High Voltage Insulation Testing dan tanggungjawab sosial dengan membantu beberapa pelajar MRSM Pontian menjalankan kajian ilmiah untuk projek mereka.




Arif
Sahril



Mohd Arif Bin Mohd Nor mula berkhidmat di UTeM pada Mac 2004 sebagai Juruteknik di Jabatan Kuasa Industri ,Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki juruteknik iaitu bagi memastikan Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran di dalam makmal berjalan dengan lancar serta terlibat sebagai ahli dalam "Short Term Grant" untuk projek "44W Stand Alone Solar System Project, Practical Based Approached" .

Kini beliau sedang menanggung kerja Penolong Jurutera di Jabatan Mekatronik dan Penyelidikan. Beliau juga bergiat aktif menghadiri kursus dan bengkel serta mewakili Fakulti dalam Sukan Antara Jabatan,antara sukan yang di sertai ialah bola sepak, badminton, ping pong, bola tampar, olahraga,boling padang dan tenis.

Penganugerahan ini bukan noktah untuk menyumbang kerja yang terbaik malah ia merupakan inspirasi kepada beliau untuk terus mencurahkan bakti serta penghasilan mutu kerja yang cemerlang.

Mohd Arif bin Mohd Nor
Juruteknik

Sahril bin Bahar
Juruteknik

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada bulan Mei 2003 sebagai seorang juruteknik di Fakulti kejuruteraan elektrik. Diletakkan di bawah Jabatan Kuasa Industri dan ditugaskan di Makmal Sistem Kuasa 2.

Beliau dipertanggungjawabkan untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran di makmal berjalan dengan lancar. Beliau juga turut memberi sokongan teknikal dalam Projek Sarjana Muda tahun akhir dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam program yang dilaksanakan oleh pihak Fakulti.

Bergiat aktif dalam aktiviti sukan ping Pong dan karom mewakili fakulti dalam sukan Antara Jabatan.



Mohd Ridzuan bin Rozali
Juruteknik

Beliau mula berkhidmat sebagai Juruteknik di UTeM pada 24 Mac 2004 dan ditempatkan di Makmal Simulasi CIA di bawah Jabatan Kawalan, Instrumentasi & Automasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Di fakulti, beliau terlibat dalam Jawatankuasa Pensijilan MS ISO 9001:2000 dan Jawatankuasa Pengiktirafan EAC. Beliau juga dilantik menjadi AJK Pelaksana 7 bagi Majlis Konvokensyen UTeM dibawah seliaan Pejabat Pembangunan.

Selain itu beliau juga merupakan salah seorang pemain Bola Sepak Senior UTeM yang berjaya merangkul pingat gangsa di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) di UMT pada tahun 2009 selain aktif bersukan di peringkat fakulti dan universiti.


Rohana Binti Abu Bakar
Pembantu Tadbir (P/O)



Pertama Syukur kepada Allah s.w.t di atas penganugerahan ini. Tanggal September 2008, telah membuka lembaran baru apabila beliau ditukarkan ke Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Unit Akademik & Pembangunan Pelajar setelah 6 tahun berada di skop tugasan pentadbiran di Pejabat Pendaftar. Walaupun, baru setahun jagung di Fakulti beliau turut menyumbang tenaga dan membantu dalam aktiviti EAC, Majlis Makan Malam Konvo ke-5, ICEI dan lain-lain disamping melaksanakan tugas hakiki berkaitan Akademik & Pembangunan Pelajar.

Sebagai staf di barisan hadapan (front kaunter), beliau akan memastikan segala permasalahan berkaitan keperluan pelajar akan dapat diselesaikan dengan segera kerana pelanggan utama Fakulti adalah pelajar yang perlu diutamakan. Beliau juga menjadi AJK J/Kuasa Fakulti serta Peringkat Universiti dan termasuk Urus setia Bengkel @ Kursus yang melibatkan Fakulti. Selain itu juga, beliau turut terlibat dalam SAJ dan mewakili MAKSAK dalam Boling Padang.

Terima kasih beliau ucapkan kepada Staf Fakulti khususnya kepada Mantan dan Dekan FKE kerana banyak memberi peluang, motivasi, tunjuk ajar serta teguran yang membina sehingga beliau mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cemerlang.




Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal



Ahmad Rivai
Timbalan Dekan

Dengan latar belakang bidang industri beliau datang ke Malaysia 5 tahun yang lepas untuk berkongsi pengalamannya dengan pelajar dan staf di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dalam bidang Struktur dan Bahan.

Sikap beliau yang mudah mesra dan bergaul dengan siapa saja melancarkan kerjaya beliau sebagai pensyarah dan juga pentadbir. Sepanjang menjalankan tugas Timbalan Dekan selama 1 tahun, beliau banyak membantu fakulti untuk merancang, menjalankan dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berhubung kait dengan akademik mahupun pengurusan fakulti.

Selain menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, di waktu lapang beliau juga aktif dalam sukan tennis.

“Sikap beliau yang mudah mesra dan bergaul dengan sesiapa.....”

Suhaimi bin Misha
Pensyarah



Sebagai Ketua Jabatan, beliau aktif menghadiri bengkel dan kursus yang dianjurkan di peringkat fakulti dan universiti. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dan ahli kepada beberapa jawatankuasa penting di peringkat fakulti.

Beliau banyak menyumbang idea dan tenaga bagi memastikan program yang ditawarkan di fakulti mendapat pengiktirafan akreditasi oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC). Antara usaha yang dilakukan adalah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penasihat Industri, mengadakan Bengkel Penilaian Hasil Pembelajaran berasaskan OBE dan pendekatan PBL serta menghasilkan garis panduan berkenaan dengan pelaksanaan OBE dan pemindahan / pengecualian kredit di FKM.

Dari segi penyelidikan dan perundingan pula, beliau telah dapat menyiapkan dua Penyelidikan Jangka Pendek dan dilantik sebagai perunding untuk projek Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM), Kuantan.

Beliau memulakan karier di UTeM pada 3 Mac 2001 sebagai seorang Penolong Pendaftar. Pengalaman bersama tiga pusat tanggungjawab telah memberi banyak pengalaman yang amat berharga dalam membangunkan karier beliau dalam dunia pentadbiran. Mengimbau perjalanan yang dilalui menyusuri penuh liku dalam menerokai KUTKM pada awalnya adalah satu pengalaman yang amat berharga.

Pada 1 Februari 2008, beliau telah diarahkan penempatan ke Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Arahan ini merupakan satu cabaran baru dan menguruskan sebuah pusat tanggungjawab yang mempunyai ramai ilmuwan yang bijak lagi bestari dan kerenah pelajar yang pelbagai bukanlah sesuatu yang mudah. Amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh fakulti perlu didepani dan digalas dengan jayanya. Di FKM, beliau bertanggungjawab penuh kepada bidang akademik di samping menyelia urusan pentadbiran lain seperti kewangan.

Menjadi setiausaha kepada 15 jawatankuasa di fakulti dan membantu dalam urusan pengiktirafan ISO dan akreditasi oleh EAC adalah rencam kerjaya di sebuah fakulti. Semoga perkongsian berterusan ini dapat membawa fakulti ke arah mercu kegemilangan.

Alhamdulillah, kejayaan ini adalah berkat doa dan sokongan semua ahli keluarga tercinta semoga ia menjadi perangsang untuk terus komited melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang telah diberi.



Suhaili binti Sallehuddin
Ketua Penolong Pendaftar



Noor Bahirah binti Johal
Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) Kanan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 2 Mei 2001 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi). Beliau kini merupakan Pembantu Tadbir (P/O) Kanan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Di fakulti, beliau dipertanggungjawabkan menguruskan bengkel/ aktiviti/program fakulti berjalan dengan lancar khususnya dan urusan pentadbiran amnya selain dilantik sebagai Setiausaha Kelab Kebajikan Sukan & Rekreasi (KeSURI), FKM selama 2 tahun.

Beliau juga turut mengambil bahagian dalam sukan badminton dan boling padang untuk Sukan Antara Jabatan (SAJ). Sesungguhnya anugerah ini adalah cetusan aspirasi dari keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi semangat dan dorongan.

Beliau amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana telah diberi anugerah ini dan berharap ia merupakan satu titik tolak bagi mencorakkan prestasi kerja yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

“anugerah ini adalah cetusan aspirasi dari keluarga dan rakan-rakan”


Hairi
Mazlan

Mula berkhidmat di UTeM pada 29 Mac 2004 sebagai juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Beliau pernah ditempatkan di Bengkel Mekanikal Asas yang sekarang ini dikenali sebagai Bengkel Kimpalan. Kini beliau bertanggungjawab di Bengkel Mesin sepenuhnya.

Pengalaman bekerja di industri sebelum ini sebagai Juru Mesin dapat di aplikasikan bekerja di UTeM. Beliau juga membantu pelajar PSM dan pensyarah dalam aktiviti penyelidikan dalam menyiapkan projek Ijazah Sarjana dan Sarjana Muda.

Beliau pernah memenangi beberapa pingat antaranya emas dan perak sebagai ahli dalam kumpulan penyelidik.

Mohd Hairi Bin Md Rahim
Juruteknik

Mazlan bin Tumin
Juruteknik

Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah mengendalikan Makmal Termodinamik, Pembakaran serta Pemindahan Haba dan sekarang beliau bertugas di Bengkel Mesin. Beliau mengendalikan Mesin Larik Terbantu Komputer (CNC Lathe), Mesin Larik Biasa (Conventional Lathe) dan Mesin Peraut (Milling Machine) bagi menyediakan spesimen untuk kegunaan Fakulti.

Selain membantu tenaga pengajar menjalankan kelas amali, beliau sering menyumbang idea kepada pelajar dan staf dalam penyelidikan. Dengan kemahiran yang di miliki sepanjang berkhidmat di FKM, beliau banyak memberi latihan insentif pengendalian mesin dan membaik pulih sistem penyaman udara kenderaan kepada staf serta pelajar.

Sukan olahraga adalah kegemarannya selain bola sepak dan pernah mewakili UTeM dan FKM.



Mohd Azli bin Salim
Pensyarah

Sepanjang 2009, selain jawatan hakiki sebagai pensyarah, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik FKM, Penasihat Persatuan Pelajar Mekanikal (FaMESA), Ahli Jawatankuasa Pertandingan dan Ekspo FKM, Ahli Jawatankuasa ICT FKM, Ahli Jawatankuasa Journal of Mechanical Engineering and Technology (JMET), Ahli Jawatankuasa Pelaksana Jurnal MTUN dan Penolong Ketua Editor Buletin FKM 2009.

Di dalam bidang penyelidikan, pada tahun 2009 beliau telah menerbitkan 12 buah kertas kerja seperti jurnal dan persidangan di peringkat antarabangsa.

Selain itu, beliau bergiat aktif di dalam bidang penulisan bukan teknikal seperti menerbitkan artikel "Komunikasi Dalam Pengurusan Krisis".



Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2005 sebagai seorang jurutera pengajar. Beliau kini merupakan Pensyarah di Jabatan Termal Bendalir, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah iaitu aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran.

Mohd Zaid bin Akop
Pensyarah



Siti Hajar binti Sheikh Md. Fadzullah
Pensyarah

* Cuti Belajar

Zakiah memulakan kerjaya di UTeM pada 24 Januari 2004 sebagai Tutor. Beliau kini merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Sepanjang 2009, beliau terlibat dalam proses pembelian peralatan bagi membangunkan Makmal Ujian Tanpa Musnah dan Makmal Tribologi, bermula dari penyediaan dokumen sehingga membuat laporan penilaian, serta pembekalan dan latihan alatan.

Beliau juga telah merancang kursus latihan bersijil Kaedah Permukaan bagi pelajar BMCS Tahun 4 di Agensi Nuklear Malaysia. Beliau juga telah menganjurkan lawatan pelajar ke Industri sekitar Melaka iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan Malaysian Flying Academy bagi memberi pendedahan industri kepada pelajar. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, beliau juga terlibat dalam beberapa Jawatankuasa peringkat Fakulti dan Universiti seperti Jawatankuasa Latihan Industri, Jawatankuasa Pembangunan Kampus, Jawatankuasa Penasihatan Akademik, Jawatankuasa Sistem Kualiti dan ISO, serta Jawatankuasa Gerak Kerja Penubuhan Fakulti Kejuruteraan Bahan.

Sebagai pensyarah, beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang tujahan. Beliau telah berjaya memiliki sijil profesional dalam bidang Ultrasonic Testing yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Beliau juga terlibat dengan beberapa projek penyelidikan jangka pendek dan telah membentang kertas kerja di MUCEET 2009.



Zakiah Binti Abd Halim
Pensyarah

“beliau sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam bidang tujahan”



Mohd Zakaria bin Mohammad Nasir
Pensyarah

Berbekalkan pengalaman sebagai jurutera di syarikat carigali antarabangsa dan juga Ijazah Sarjana dari Coventry University, UK dalam bidang automotif, beliau diberi amanah sebagai Ketua Jabatan Automotif untuk merancang, melaksana dan menambahbaik aktiviti jabatan selaras dengan teras fakulti iaitu 'Automotive and Energy'. Di samping tugas fakulti, beliau adalah Timbalan Pengerusi bagi Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi (KESURI) FKM. Beliau dilantik sebagai pengarah Hari Rekabentuk & Automotif 2009 yang menganjurkan acara utama iaitu 'Paper Bicycle'.

Beliau juga diberi tanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memastikan proses perpindahan FKM ke kampus tetap dan Makmal Fasa B berjalan lancar. Dalam bidang penyelidikan pula, beliau adalah ketua penyelidik bagi 1 FRGS dan 2 Geran PJP dan ahli dalam 3 FRGS dan 4 Geran PJP yang lain. Beliau dan kumpulannya turut memenangi beberapa anugerah diperingkat tempatan dan antarabangsa antaranya pingat gangsa di MTE 2009, emas dan gangsa di 20th (ITEX 2009).

Kejayaan beliau dan kumpulannya bertambah manis apabila memenangi pingat emas di INNOVA 2009, Brussel, Belgium bagi projek "Fire Fighting Machine" dan hadiah kertas kerja terbaik di MUCEET 2009 bagi kategori 'Science and Engineering' yang bertajuk ' "Simulation of an Active Front Bumper System for Frontal Impact Protection'.

"Kejayaan beliau dan kumpulannya bertambah manis apabila memenangi pingat emas di INNOVA 2009, Brussel, Belgium"



Beliau merupakan seorang yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas yang diberikan. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Akademik dan ahli kepada beberapa jawatankuasa penting di peringkat fakulti.

Beliau banyak membantu fakulti dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar seperti program motivasi dan perjumpaan Penasihat Akademik bersama pelajar pada setiap semester. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Biro Sukan di Fakulti.

Beliau juga banyak menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak universiti dan pihak luar bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran yang ada. Beliau juga aktif dalam bidang penulisan dan perundingan di peringkat kebangsaan.

Mohd Afzanizam Bin Mohd Rosli
Pensyarah

Beliau mula berkhidmat pada tahun 2008. Beliau merupakan Juruteknik di Bengkel Gegas dan Fabrikasi. Di Bengkel Gegas dan Fabrikasi, beliau bertanggungjawab menyediakan peralatan dan kelengkapan untuk proses pembelajaran di bengkel Gegas.

Beliau juga banyak membantu pelajar dalam Projek Sarjana Muda(PSM) terutama dalam memberi tunjuk ajar dalam pelaksanaan sesuatu projek yang hendak dijalankan. Berdasarkan pengalaman beliau dalam industri sebelum beliau berkhidmat dengan UTeM, beliau juga terlibat dalam membantu pensyarah dalam beberapa Projek Penyelidikan di peringkat fakulti dan juga UTeM.

Selain daripada tugas hakiki yang diamanahkan, beliau juga aktif menghadiri kursus, bengkel dan turut terlibat dalam sukan untuk fakulti terutama dalam sukan bolasepak dan futsal.

Mohd Yuzrin bin Md. Yaacob
Juruteknik





Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 26 April 2004 sebagai Juruteknik Gred J17 (Sementara) di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Beliau kemudiannya diserapkan ke jawatan tetap pada 15 Feb 2006. Di tempatkan di Makmal Prototaip dan Inovasi, beliau terlibat di dalam penyelenggaraan peralatan makmal, penyediaan penggunaan mesin, membantu pelajar menjalankan Projek Sarjana (Penyelidikan) dan Projek Sarjana Muda serta membantu pensyarah dalam pembelajaran dan penyelidikan di Makmal.

Selain menjalankan tugas hakiki yang diamanahkan, beliau turut terlibat membantu pelajar dalam pertandingan Reka Bentuk (Student Design Competition) yang dianjurkan Fakulti.

Beliau juga aktif dalam bidang sukan serta pernah mewakili Universiti dalam acara Boling Padang (2005), pernah dilantik sebagai Jurulatih Pasukan Tenis Campuran UTeM (2007) untuk Sukan Antara Universiti dan mewakili Fakulti dalam acara bola sepak, badminton, tenpin boling, sepak takraw dan pingpong.

Kamaruddin bin Abu Bakar
Juruteknik




Fakulti
Kejuruteraan Pembuatan
2014



Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2005. Beliau kini merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Proses Pembuatan FKP. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah iaitu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, dan penyeliaan.

Beliau juga membantu dalam pelarasan tugas berkaitan dengan persiapan Engineering Accreditation Council (EAC) laporan, selain membantu merangka perkara berkaitan dengan persiapan international conference yang diadakan oleh FKP. Selain itu, beliau juga aktif menghadiri kursus, bengkel dan melaksanakan training dalam bidang CNC.

Dr. Bagas Wardono
Pensyarah

"membantu dalam pelarasan tugas berkaitan dengan persiapan Engineering Accreditation Council (EAC)"



Azman bin Mat Aris
Penolong Pendaftar

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 1 April 2008. Beliau kini merupakan Penolong Pendaftar di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan tugas hakiki sebagai pentadbir iaitu aktiviti berkaitan pentadbiran, kewangan dan penyeliaan.

Beliau memberikan komitmen sepenuhnya terhadap tugasan yang telah diberikan selain membantu merangka perkara berkaitan langkah keselamatan Fakulti di bawah Jawatankuasa Keselamatan Fakulti.Beliau bersikap Proaktif dan mempunyai hubungan yang baik dengan setiap peringkat staf di fakulti.

Selain itu beliau juga aktif menghadiri kursus, bengkel dan turut terlibat dalam sukan dart dan penganjuran sukan di peringkat fakulti.

“Beliau bersikap Proaktif dan mempunyai hubungan yang baik dengan setiap peringkat staf di fakulti.”


Ridzuan
Zolkarnain



Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2005. Beliau kini merupakan Pensyarah di Jabatan Proses Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah iaitu aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran.

Beliau juga membantu dalam proses perpindahan makmal-makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan ke Kampus Tetap pada tahun 2009 dan telah dilantik dalam kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan laman sesawang fakulti. Selain itu beliau juga aktif menghadiri kursus, bengkel dan turut terlibat dalam sukan bola tampar.

Mohamad Ridzuan bin Jamli
Pensyarah

"penasihat bagi program Inter-varsity Student Solidworks Design Competition 2009"


Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2002. Beliau kini merupakan Jurutera Pengajar Kanan di Jabatan Pengajian Diploma, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan, perundingan disamping urusan pentadbiran.

Antara sumbangan beliau adalah sebagai salah seorang penyelaras Perpindahan Kampus, bertanggungjawab menyelaras, merangka, menyedia dan memantau projek perpindahan FKP ke Kampus Induk. Beliau juga adalah Naib Pengerusi Pembangunan Kampus, penyelaras makmal CADCAM, AJK Jawatankuasa Perolehan, Pengurusan Makmal serta AJK Program National Conference on Design & Concurrent Engineering 2010 (iDECON2010).

Beliau juga terlibat sebagai penyelaras dan penasihat bagi program Inter-varsity Student Solidworks Design Competition 2009, panel penilai Hari Rekabentuk & Inovasi FKM, penceramah serta fasilitator program Pengurusan Makmal dan Kem Booster.

Selain itu beliau juga aktif dalam menghadiri kursus, bengkel, membentang kertas kerja, menjalankan kerja-kerja perundingan dan turut terlibat dalam sukan bolasepak serta olahraga.

Zolkarnain bin Marjom
Pensyarah



Hairmi Bin Othman mula berkhidmat di UTeM sebagai juruteknik sejak tahun 2003 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Membantu Makmal CADCAM dan Metrologi, Selain itu juga membantu pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran antaranya termasuklah membantu pelajar dalam menjalankan Projek Sarjana Muda.

Beliau juga terlibat dalam kerja-kerja perundingan antara Machine Laser Cutting dengan syarikat luar. Selain itu beliau juga terlibat dalam kerja-kerja perpindahan dari kampus industri ke kampus induk pada Jun 2009.

Dalam sukan saya pernah mewakili fakulti bagi sukan Bola Tampar dan aktif menghadiri segala kursus yang telah dianjurkan oleh Universiti.

Hairmi Bin Othman
Juruteknik

Sarman bin Basri
Juruteknik

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada Mac 2002 sebagai juruteknik di Pusat perkhidmatan Akademik dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Beliau bertanggungjawab dalam memastikan proses amali berjalan dengan lancar, membantu tenaga pengajar dan pelajar dalam kerja-kerja Projek Sarjana Muda.

Selain itu juga beliau merupakan pekerja sinaran yang mengendalikan sumber radioaktif disamping berkebolehan mengoperasikan mesin-mesin penyelidikan.Beliau juga turut menyumbangkan tenaga dalam program-program anjuran di peringkat Fakulti mahupun Universiti.

Beliau juga terlibat dalam menjayakan Sukan Antara Jabatan dengan mewakili beberapa sukan antaranya sukan badminton dan sepaktakraw serta aktif menghadiri kursus serta bengkel di peringkat Fakulti dan Universiti.

“mengendalikan sumber radioaktif disamping berkebolehan mengoperasikan mesin-mesin penyelidikan.”


Hairmi
Sarman


Zuraida
Zuriyahni
Aisah

Zuraida binti Abdul Hadi
Juruteknik

Saya Zuraida bte Abdul Hadi mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003,merupakan Juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan .Saya juga membantu pelajar menjalankan projek Sarjana Muda (PSM).

Saya turut menjadi Urus setia Program Taklimat Bersama Fakulti Sempena Haluan Siswa Sesi 2009/2010, Terlibat dalam perpindahan dari kampus industri ke kampus induk pada Jun 2009.

Selain itu ,saya turut mewakili fakulti dalam sukan Antara Jabatan bagi sukan bola jaring dan aktif menghadiri segala kursus yang telah dianjurkan oleh Universiti.

Norzuriyahni binti Abu Bakar
Juruteknik

Saya Norzuriyahni binti Abu Bakar,mula berhidmat di UTeM pada tahun 2008. Sebagai juruteknik Fakulti Kejuruteraan Pembuatan di Jabatan Proses.

Saya bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki di makmal. Saya juga terlibat secara langsung dalam proses perpindahan makmal dari Fasa B ke Kampus Tetap pada bulan Jun tahun 2009, dan terlibat secara tidak langsung Latihan Tenaga Pengajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM).

Saya juga ada melibatkan diri dalam aktiviti Fakulti dan Majlis Konvokesyen UTeM pada tahun 2009. Selain itu,saya juga aktif menghadiri kursus, bengkel dan sukan bola jaring Fakulti.

Siti Aisah Binti Khadisah
Juruteknik

Saya Siti Aisah Binti Khadisah mula berkhidmat di UTeM sebagai juruteknik sejak tahun 2008 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Membantu Makmal Kejuruteraan Industri 1,2 dan Makmal Perancangan Pengeluaran dan Kawalan, Selain itu juga membantu pensyarah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran antaranya termasuklah membantu pelajar dalam menjalankan Projek Sarjana Muda.

Juga terlibat dalam aktiviti Fakulti seperti DECON, saya juga terlibat dalam kerja-kerja perpindahan dari kampus industri ke kampus induk pada Jun 2009.

Dalam sukan saya pernah mewakili fakulti bagi sukan Bola Jaring dan aktif menghadiri segala kursus yang telah dianjurkan oleh Universiti.

“mewakili fakulti bagi sukan bola jaring...”

Tajul Ariffin
Pensyarah

Tajul Ariffin Bin Abdullah telah mula berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UTeM pada tahun 2007. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Rekabentuk Pembuatan, FKP pada Februari 2008 dan masih berkhidmat dengan jawatan tersebut. Beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah dan juga tugas pentadbiran. Beliau sentiasa memberikan sumbangan secara aktif di pelbagai peringkat.

Semenjak menganggotai UTeM pada 2007 sehingga kini beliau terlibat lebih dari tiga puluh ahli jawatankuasa di peringkat universiti dan juga fakulti. Beliau terus aktif di dalam kerja-kerja penyelidikan dan juga penerbitan di mana telah membentangkan kertas kerja diperingkat kebangsaan dan juga antarabangsa serta pernah perolehi anugerah kebangsaan semasa pameran produk 2010.

Beliau pernah menjadi penceramah dan fasilitator program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dan UTeM. Beliau juga merupakan juruaudit dalaman MS ISO 9001:2000 bagi universiti dan fakulti. Beliau juga turut aktif dengan aktiviti khidmat masyarakat dah juga pelajar. Beliau juga sentiasa memberikan penekanan hubungan yang baik antara pelajar dan pensyarah dimana dijadikan pensyarah sebagai tempat rujukan dan pembimbing mereka.



Pembantu Tadbir (Kewangan)

Noridayu telah memulakan perkhidmatan sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) di UTeM pada 18 Februari 2008 dan ditempatkan di pejabat pentadbiran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Tanggungjawab beliau di Fakulti adalah seperti menyediakan Pesanan Tempatan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, memproses Permohonan Pembayaran invois/bil dan pelbagai tuntutan, menguruskan rekupmen panjar wang runcit, membantu dalam pengurusan rekod aset dan inventori serta membantu dalam pengurusan bajet fakulti.

Beliau pernah terlibat dalam beberapa program fakulti seperti Majlis Syarahan Umum Pelantikan Profesor Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Seminar Pembuatan Oleh Profesor Bernard Hon, University Of Liverpool dan Program Taklimat Bersama Fakulti Sempena Minggu Haluansiswa Sesi 2009/2010.

Beliau juga pernah terlibat dengan aktiviti komuniti yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah iaitu Acara Gotong-royong Pembersihan Sungai Pengkalan, Alor Gajah. Beliau juga telah mengikuti beberapa kursus dan bengkel bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan memperbaiki diri dalam mencapai kecemerlangan.





Nurazua binti Mohd Yusop
Pensyarah

Mula berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada September 2003 sebagai Jurutera Pengajar. Atas keazaman untuk memajukan diri,beliau telah menggunakan peluang yang ada untuk melanjutkan pelajaran dan telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Sarjana di Utsunomiya University, Japan pada Mac 2007.

Kini beliau merupakan Pensyarah di Jabatan Rekabentuk Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Di Fakulti, beliau bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah iaitu aktiviti berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran.

Selain ditugaskan sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan merangkap Ketua Editor bagi buletin The LEAN FKP, beliau juga terlibat dalam beberapa Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pengiktirafan Ijazah, Jawatankuasa Jadual Waktu dan Jawatankuasa Adhoc Teknikal & Pengangkutan bagi Program Ceramah Umum Pelantikan Profesor bagi Y.Bhg. Profesor Dr Mohd Razali bin Muhamad dan juga Program Ceramah oleh Profesor Dr Bernard Hon.


Beliau juga aktif menghadiri kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh Fakulti dan Universiti, dan turut terlibat mewakili fakulti dalam kejohanan Sukan Antara Jabatan dalam acara boling.

Nur Azriah binti Amir
Ketua Penolong Pendaftar




Beliau mula berkhidmat di UTeM sebagai Penolong Pendaftar mulai 27 Mac 2001 dan telah ditempatkan di beberapa buah Pusat Tanggungjawab seperti Pejabat Pendaftar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, dan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan serta dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Pendaftar Gred N44 pada 8 Oktober 2007.

Beliau seorang yang berpengalaman dalam bidang pentadbiran sentiasa berusaha untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada staf seliaannya dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas yang diberikan. Selain itu juga, beliau sentiasa mendalami ilmu pengetahuan bagi meningkatkan keyakinan diri dalam tugasan seharian.




Fakulti
Teknologi Maklumat
dan Komunikasi


Azah
Choo



Dr. Azah Kamilah binti Muda
Pensyarah

Anak kelahiran Negeri Terengganu ini mula berkhidmat di UTeM pada 22 Jun 2002 di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Kini, sebagai Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan di Jabatan Kejuruteraan Perisian.

Beliau telah memperolehi PhD dari UTM pada tahun 2009 di dalam bidang Pemprosesan Imej. Beliau terlibat dengan kumpulan penyelidikkan Soft Computing Research Group (SCRG) dan aktif di dalam beberapa penyelidikan PJP, FRGS dan Science Grant bersama penyelidik universiti tempatan lain.

Beliau juga terlibat secara aktif dalam pengelolaan persidangan antarabangsa bersama MirLabs-UTeM-SCRG iaitu SoCPaR 2009 dan menjadi reviewer kertas kerja persidangan antarabangsa iaitu INC2009, NaBIC2009, DSTC2009, ISIEA2009, ICETET2009, BICA2009, Neural Network International Journal, International Journal of Advances in Soft Computing and Its Applications.

"**Beliau juga terlibat secara aktif dalam pengelolaan persidangan antarabangsa ...**"

Mula berkhidmat di UTeM pada 1 Jun 2002 di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan kini sebagai pensyarah kanan di Jabatan Komputeran Industri dan pengerusi JK Penulisan dan Penerbitan FTMK.

Beliau terlibat secara aktif dalam membangunkan silibus dan fasiliti P&P fakulti. Selain itu, beliau turut terlibat dalam penyediaan dokumen akreditasi jabatan KI. Memperolehi PhD dari UKM pada tahun 2008 di dalam bidang Perlombongan Data.

Di samping menyertai kumpulan penyelidikan DMO dan SCRG, beliau juga aktif dalam beberapa penyelidikan PJP dan FRGS. Dijemput sebagai penceramah Kursus Perlombongan Data 2009 anjuran UKM dan aktif dalam pengelolaan persidangan antarabangsa bersama MirLabs-UTeM-SCRG iaitu SoCPaR 2009.

Beliau juga terlibat sebagai reviewer kertas kerja persidangan antarabangsa SoCPaR, NaBiC, INC, DMO dan ICEI serta journal antarabangsa IJASCA.

Dr. Choo Yun Huoy
Pensyarah Kanan



Dr. Burairah Bin Husin
Timbalan Dekan (Akademik)

Dr Burairah Hussin mula berkhidmat di UTeM pada 1 Jun 2001 sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Beliau terlibat secara aktif dalam membangunkan beberapa silibus dan kurikulum program akademik di peringkat fakulti. Beliau telah memperoleh ijazah Dokttor Falsafah dari University of Salford pada tahun 2007 di bidang "Management Science – Condition Monitoring Modelling".

Beliau juga aktif dalam menjalankan projek-projek penyelidikan menerusi geran-geran yang diperolehi diperingkat universiti dan kebangsaan. Hasil daripada penyelidikan tersebut beberapa kertas kerja berjaya dibentangkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau telah acapkali dijemput sebagai penceramah untuk program-program IT anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dan organisasi luar. Demi menyalurkan idea dan pangalaman kepada masyarakat setempat, beliau aktif dalam beberapa aktiviti kemasyarakatan antaranya adalah program IT sekolah.

Prinsip "berilmu dan berbakti" yang diamalkan dari dahulu banyak membentuk pemikiran ingin menyumbang berdasarkan ilmu yang dimiliki.

"dijemput sebagai penceramah untuk program-program IT anjuran Kementerian Pengajian Tinggi"



> **“Beliau bergiat aktif dalam memberikan ceramah motivasi dengan mengkhususkan sasaran kepada sekolah-sekolah”**

Mula berkhidmat di UTeM pada Oktober 2007 sebagai Pensyarah dalam bidang Rangkaian Komputer. Beliau menganggotai Ahli Jawatankuasa Penentuan Teknikal Universiti. beliau menyertai Majlis Akademik Fakulti, JK Kelab Staf, JK OBE, JK PSM/PD, JK Penulisan & Penerbitan, IPv6RG dan JK CCNA bagi peringkat Fakulti.

Beliau turut terlibat sebagai ahli jawatankuasa persidangan, seminar, kursus professional dan pertandingan pada pelbagai peringkat seperti Cryptology Conference, Netriders Malaysia, SecIT, UCSBC, SocPar, Seminar TNoIPv6, KISCCNA dan ICEI. Dalam bidang penyelidikan beliau telah menulis dan membentang sebanyak 12 kertas persidangan pelbagai peringkat sepanjang 2009.

Pada masa yang sama beliau mengusahakan 1 geran PJP sebagai ketua dan mangangotai 2 lagi PJP sebagai pembantu penyelidik. Beliau bergiat aktif dalam memberikan ceramah motivasi dengan mengkhususkan sasaran kepada sekolah –sekolah menengah dan rendah di sekitar negeri Melaka dan Johor.

Beliau juga mewakili Fakulti dalam sukan bolasepak, futsal, badminton dan olahraga dalam Sukan Antara PTJ.

Erman bin Hamid
Pensyarah

Menceburi profesion pendidikan seawal usia 21 tahun, minat beliau terhadap bidang ini semakin mendalam. Sejak menjadi warga UTeM pada tahun 2008, beliau bukan sahaja melaksanakan tugas-tugas hakiki sebagai seorang pensyarah dan penyelidik di Jabatan Media Interaktif, malah turut memegang beberapa jawatan penting di peringkat fakulti mahupun universiti.

Antaranya sebagai Setiausaha Jawatankuasa Bengkel II, Ketua Biro Kebajikan dan Kerohanian Kelab Staf FTMK (AKRAB) dan Ahli Jawatankuasa Perlaksana Majlis Konvokesyen UTeM Keempat dan Kelima.

Di samping itu, beliau juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi perekabentuk dan pembangun laman web bagi Soft Computing and Pattern Recognition International Conference (SoCPaR09) serta beberapa program fakulti. Dengan perwatakan yang sederhana dan mudah mesra, beliau juga melibatkan diri dalam program-program promosi anjuran UTeM dan khidmat masyarakat anjuran fakulti.

Di dalam sukan, beliau pernah mewakili fakulti bagi acara badminton dan olahraga.



Shahril bin Parumo
Pensyarah

Mula menceburi bidang pengajaran sebagai pensyarah UiTM Shah Alam di Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebelum dilantik untuk mengisi jawatan Jurutera Pengajar di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTeM pada Mei 2003. Setelah enam tahun menempuhi liku-liku, pahit-manis berkhidmat sebagai tenaga pengajar, tahun 2009 telah mengangkat beliau sebagai staf cemerlang dengan keberkesanan mutu hasil kerjanya.

Selain daripada menyandang beberapa jawatan kuasa di peringkat fakulti, universiti mahu pun kebangsaan, beliau bergiat aktif melaksanakan kursus profesional CCNA dan sehingga penghujung tahun 2009, beliau telah berjaya menamatkan dengan jayanya lebih 700 pelajar. Keinginan dan usahanya untuk mendalami ilmu IPv6 bersama para penyelidik yang lain telah membawa kepada terbentuknya sebuah kumpulan penyelidik iaitu IPv6RG dengan berasaskan tiga geran penyelidikan.

Pada tahun yang sama, secara aktif beliau telah menerbitkan lebih 12 buah kertas persidangan termasuk jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping menulis buku-buku ilmiah dan modul-modul makmal. Bagi beliau tiada yang lebih manis pada tahun 2009 apabila beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan. ALHAMDULILLAH..



Nazrulazhar bin Bahaman
Pensyarah Kanan

“beliau telah menerbitkan lebih 12 buah kertas persidangan termasuk jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa”



Tanggal 19 Mac 2008 adalah merupakan hari pertama beliau mendaftarkan diri sebagai pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Perisian. Dengan pengetahuan serta pengalaman sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi luar membolehkan beliau berkongsi kepakaran serta berdaya saing untuk menaikkan nama Fakulti dan Universiti.

Sentiasa memegang prinsip komited dengan tugas yang di amanahkan serta melaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta ikhlas keranaNya. Beliau yang merupakan anak kepada seorang pesara tentera, tidak dinafikan telah mewarisi sifat ketegasan serta disiplin yang tinggi dari bapa beliau.

Sifat ini diterapkan di dalam tugasan dan di dalam aktiviti Pengajaran & Pembelajaran. Selain aktif menjalankan aktiviti penyelidikan dan menghadiri kursus pembangunan diri, beliau juga merupakan Setiausaha di dalam Jawatankuasa Projek Sarjana Muda & Diploma dan Kelab Staf FTMK serta ahli Jawatankuasa Seminar SE@2009 di samping itu, sebagai Pengerusi di dalam pertandingan The Code@2009.

Beliau juga bertindak sebagai Mentor untuk pertandingan ACM-ICPC Regional Programming, Imagine Cup 2009 serta Penasihat untuk Business Plan & Idea Competition 2009 peringkat UTeM. Tidak ketinggalan penglibatan beliau di dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai penceramah program ICT serta mewakili acara sukan badminton dan tenis peringkat Fakulti dan Universiti amnya.

Nor Haslinda binti Hj. Ismail
Pensyarah

“Sentiasa memegang prinsip komited dengan tugas yang di amanahkan”

Siti Hajar binti Abd Latiff
Pembantu Tadbir (Kewangan)

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 10 Mac 2008 dan terus ditempatkan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan). Walaupun memegang status sebagai orang baru namun tidak menghalang saya untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.

Pengalaman kerja di sektor swasta digunakan sebaiknya dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada semua staf. Di samping menjalankan tugas-tugas hakiki iaitu membantu urusan kewangan dan perakaunan di fakulti, saya juga terlibat dalam program-program anjuran fakulti seperti program pelajar antaranya Infosys Campus Connect Program, Pengurusan Akademik Pelajar Baru Sesi 2009/2010 dan Persidangan Antarabangsa SoCPaR 2009 .

Malah saya turut terlibat dalam program kemasyarakatan seperti Bantuan Pengisian UPU Online dan Program Kepimpinan Pengawas Sekolah.Meminati bidang sukan, saya turut mewakili UTeM dalam sukan bola jaring dalam Kejohanan Sukan Antara Universiti dan Sukan Malaysian Technical University Network (MTUN). Saya berpendapat, anugerah yang diterima ini sebenarnya membawa amanah dan cabaran baru iaitu bagaimana untuk mengekalkan kecemerlangan yang telah ditunjukkan.

Saya juga bertekad untuk meneruskan lagi usaha untuk sentiasa cemerlang dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan serta kreativiti diri.





Junaidi bin Ibrahim
Juruteknik

Memulakan tugas sebagai juruteknik di UTeM pada 6 Ogos 2008, beliau bertanggungjawab menjaga Makmal Multimedia dan Makmal Multimedia Interaktif. Tugas beliau ialah memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di makmal berjalan lancar.

Selain dari tugas hakiki, beliau juga bergiat aktif dalam program-program anjuran fakulti seperti Infosys Campus Connect, UTeM Cisco Skill Based Competition, Roborace Contest, Persidangan Antarabangsa Socpar dan AI Talk sebagai jawatankuasa teknikal, jurufoto dan juruvideo.

Beliau turut dilantik sebagai salah seorang jawatankuasa perpindahan fakulti dari kampus industri ke kampus tetap. Beliau juga aktif mewakili jabatan dalam sukan bola sepak, olahraga, futsal dan bowling. Sikap beliau yang sentiasa sedia membantu dan boleh bekerja tanpa pengawasan amat disenangi oleh semua pihak.



Mohd Nizam bin Said
Juruteknik

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 3 Mac 2003 sebagai juruteknik di FTMK. Beliau bertanggungjawab dalam menjaga dan menyelenggara beberapa makmal di FTMK serta membantu dalam sistem persediaan peralatan untuk proses pengajaran dan pembelajaran dan juga tugas-tugas yang diarahkan.

Sepanjang di UTeM saya telah memperolehi persijilan profesional MCDST (microsoft), A+ Certified Professional It Technician dan Fiber Optic certified technician. Saya juga mewakili FTMK dalam sukan antara jabatan.

Saya juga aktif dalam menjadi Ahli Jawatankuasa Roborace Contest, AJK UCSBC (UTeM Cisco Skill Based Competition).

Selain itu beliau juga turut terlibat dalam menjayakan majlis konvokesyen ke-5 UTeM.

“memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di makmal berjalan lancar.”



“bagi saya kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua sahabat & rakan serta Pegawai-pegawai di fakulti”

Pertama sekali saya bersyukur kehadrat Ilahi kerana diberikan penghargaan untuk tahun ini, bagi saya kejayaan ini adalah hasil kerjasama semua sahabat & rakan serta Pegawai-pegawai di fakulti. Sebelum memulakan perkhidmatan di UTeM, saya pernah bertugas di sektor swasta selama 9 tahun. Pada 5 Mei 2004 mula berkhidmat di FTMK sebagai Pembantu Tadbir (Kew) secara sementara .

Pada 23 Jan 2008 menjawat jawatan Penolong Akauntan sehingga kini di FTMK. Pernah memegang jawatan sebagai Bendahari Persatuan Sri Kesidang dan Bendahari Kelab Staf FTMK. Selain menjalankan tugas-tugas hakiki berkaitan kewangan fakulti saya juga terlibat dengan seminar-seminar yang dianjurkan fakulti seperti Seminar Antarabangsa Kejuruteraan dan ICT, Seminar Software Engineering dan Seminar Soft Computing & Pattern Recognition.

Saya juga terlibat dengan majlis anjuran Universiti seperti ahli Jawatankuasa Pelaksana 1 Konvokesyen, Ahli Jawatankuasa Kerohanian dan Sukarelawan Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah Universiti, Ahli Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset Universiti dan merupakan Ahli Perasa UTeM.

Rosidah binti Awang
Penolong Akauntan

Syariffanor binti Hisham
Ketua Jabatan

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 4 November 2003. Sekembalinya beliau daripada melanjutkan pengajian Ijazah Kedoktoran di United Kingdom, beliau telah diberi tanggungjawab untuk menerajui Jabatan Media Interaktif bermula Januari 2009. Sebagai seorang pensyarah, beliau telah mengajar beberapa subjek di peringkat sarjana muda dan sarjana (kerja kursus) serta menyelia empat orang pelajar di peringkat sarjana (mod penyelidikan).

Sebagai seorang penyelidik, beliau merupakan ketua penyelidik dan ahli penyelidik untuk tiga geran penyelidikan Jangka Pendek UTeM (PJP UTeM) yang menjurus dalam bidang Assistive Technology. Dalam bidang penulisan akademik, beliau telah membentangkan kertas kerja di persidangan antarabangsa, menulis artikel untuk terbitan Association for Computing Machinary (ACM) dan menerbitkan modul pengajaran bagi subjek yang diajar.

Malah, beliau juga merupakan penilai kertas kerja bagi beberapa persidangan antarabangsa dalam bidang kepakaran beliau iaitu Interaksi-Manusia Komputer dan Multimedia. Bermula Mei 2009, beliau telah dilantik sebagai ahli panel MDEC Industry-Academia: Games Development selama setahun yang mana beliau terlibat dalam merangka aktiviti pembangunan permainan komputer di peringkat nasional.

Penglibatan beliau sebagai jawatankuasa di peringkat fakulti dan universiti termasuklah dalam penganjuran Wacana Media Interaktif 2009, Augmented Reality Talk, ICEI 2010, Konvokesyen UTeM ke-5 dan merupakan penasihat Persatuan Pelajar FTMK.



Sharifah Intan memulakan tugasnya sebagai Pembantu Tadbir (P/O) Kanan di FTMK pada 1 Februari 2008. Beliau bertanggungjawab bagi urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia dan membantu dalam urusan akademik di FTMK .

Di peringkat Fakulti beliau terlibat sebagai fasilitator aktiviti khidmat masyarakat contohnya seperti IT Bersama Tentera, UPU Online dan sering menjadi urusetia seminar-seminar yang di anjurkan oleh Fakulti seperti Persidangan SoCPaR2009. Disamping itu, beliau turut mewakili fakulti dalam acara bola jaring.

Selain itu, beliau turut terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Perubatan di dalam Majlis Konvokesyen Kelima Universiti. Beliau juga telah melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan universiti seperti Majlis Ibadah Aqiqah dan Qurban 1430H.

Pada kesempatan ini, beliau ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan universiti di atas penganugerahan yang diberikan kepadanya. Penganugerahan ini memberikan semangat dan keazaman untuk memajukan diri dan membantu Universiti dalam merealisasikan visi dan misinya.

Selain itu ucapan terima kasih kepada suami dan keluarga di atas sokongan dan dorangan yang telah diberikan.

Sharifah Intan Binti Osman
Pembantu Tadbir (P/O) Kanan



“Penganugerahan ini memberikan semangat dan keazaman untuk memajukan diri dan membantu Universiti”


Pusat Bahasa
dan Pembangunan Insan


Fazilah
Noraini



Nor Fazilah Binti Abdul Hamid
Pensyarah Kanan

Beliau mula berkhidmat sebagai Pensyarah di Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan di UTeM pada Jun 2002. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar dan menjadi Penyelaras mata pelajaran wajib universiti seperti Hubungan Etnik dan Pembangunan Sosioekonomi Malaysia.

Di peringkat PBPI, beliau melibatkan diri dalam beberapa jawatankuasa seperti menjadi Setiausaha Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah & Kerja Sosial (SKIKS 2009), Ahli Jawatankuasa Biro Kebajikan dan Staf PBPI dan Ahli Jawatankuasa Jadual Waktu Pensyarah JPIK. Selain itu beliau turut terlibat secara langsung dalam menjayakan beberapa program bersama pelajar antaranya Kolokium Pembangunan Insan Siri 2 dan 3.

Beliau juga turut aktif membentangkan kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Noraini binti Husin
Pensyarah

Noraini mula berkhidmat di UTeM pada Februari 2004 dan sejak itu telah diamanahkan untuk mengajar subjek Komunikasi Teknikal di peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Di samping mengajar, beliau juga dilantik sebagai Pengurus Makmal, Penyelaras Penerbitan, dan Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Peringkat Pusat. Di atas minat yang mendalam dalam bidang penulisan dan penerbitan, beliau menyertai Sidang Editor untuk Journal of Human Capital Development (JHCD, PBPI) dan aktif dalam bidang terjemahan dan suntingan kertas kerja, modul, laporan dan buku.

Beliau juga sering diundang sebagai penceramah kursus-kursus jangka pendek untuk kakitangan pentadbiran dan akademik di UTeM.



Nooraini Binti Sulaiman
Pensyarah

Nooraini mula berkhidmat di UTeM pada April 2004. Sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Islam dan Kemanusiaan, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar dan menjadi Penyelaras matapelajaran wajib Universiti seperti TITAS 2 dan TITAS. Di samping mengajar, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Bengkel Pemurnian dan Pembinaan Silibus JPIK 2009, Penyunting kertas kerja SKIKS09 dan AJK Kualiti PBPI.

Beliau juga melibatkan diri dalam menulis dan membentangkan kertas kerja di peringkat Kebangsaan dan Serantau di samping turut serta dalam penyelidikan jangka pendek Universiti. Selain itu, beliau telah dilantik sebagai Pengadil Pertandingan Mewarna dan Bercerita serta Pengadil bagi Pertandingan Menulis Esei, sempena Festival Membaca 2009, anjuran Perpustakaan UTeM.

Beliau telah menyumbang khidmat akademik sebagai Penyemak buku teks Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, juga terlibat secara langsung dalam menjayakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh PUSPANITA dan Pusat Islam UTeM.


Mula berkhidmat sebagai Juruteknik di PBPI, UTeM semenjak 11 Februari 2002. Bertanggungjawab menjaga keselamatan & kesihatan semua peralatan dan perkakasan di Makmal SAL (Self-Access Language Lab).

Beliau turut menjadi AJK bagi kebanyakan kursus-kursus/bengkel-bengkel anjuran PBPI selain aktif sebagai salah seorang Webmaster PBPI pada tahun 2009.

Dengan inisiatif untuk memajukan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, telah mengikuti hampir 15 kursus pelbagai pada tahun 2009 seperti kursus ESQ, Kursus Keselamatan PC & rangkaian dan lain-lain.

Noriza binti Mat Isa @ Ahmad
Juruteknik





Azizi bin Hashim
Pembantu Am Pejabat

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 15 Januari 2008 di Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan. Selain bertanggujawab dengan tugas hakiki yang diberikan, saya turut aktif dalam kegiatan lain sama ada diperingkat Pusat mahupun Universiti.

Antaranya bertindak sebagai urus setia kursus dan bengkel serta mewakili jabatan dalam pertandingan bola sepak, badminton, bola tampar. Selain itu saya juga mewakili MTUN pada 2008.

Saya juga memanjatkan kesyukuran kepada ALAH s.w.t. dan berterima kasih kepada pegawai-pegawai dan rakan-rakan saya yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar pada saya.


Pejabat
Pembangunan


Akmal
Rayme

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dianugerahkan Anugerah Perkhidmat Cemerlang bagi tahun 2009. Setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri tercinta dan anak-anak tersayang serta sokongan Pengarah dan staf Pejabat Pembangunan.

Terlibat secara langsung dalam pembangunan fizikal Kampus Induk UTeM bermula pada 1 April 2003. Pencalonan Bangunan Canselori dan Pusat Komputer untuk mewakili Kementerian Pengajian Tinggi dalam Anugerah Kualiti Pengurusan Projek 2009 (AKPP) peringkat Kebangsaan sangat membanggakannya dan Universiti. Ini memberikan semangat untuk meneruskan kesinambungan pembangunan Kampus Induk UTeM secara menyeluruh menjelang 2010.

Merupakan Chef de Mission Pejabat Pembangunan yang menyertai Sukan Antara Jabatan UTeM tahun 2009, Pengerusi Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Pejabat Pembangunan dan Timbalan Presiden PRAKTIS. Terlibat secara aktif dalam kegiatan kebajikan dan masyarakat terutamanya dengan Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia (MAB).

Sentiasa beristiqamah, menilai perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan bertawakal semoga segala usaha diredhai Allah S.W.T.

Mohd Rayme Bin Anang Masuri
Jurutera Kanan

Mohd Khairul Akmal Bin Mohd Noor
Juruteknik

Mohd Khairul Akmal Bin Mohd Noor mula berkhidmat di KUTKM ketika itu mula berkhidmat di Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset pada 24 Februari 2003 sebagai Juruteknik di bawah unit Pembinaan. Beliau mengakui bahawa berdisiplin dan bertanggungjawab serta kepercayaan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua warga Pejabat Pembangunan merupakan faktor utama dalam memacu kejayaan diri dan universiti secara umumnya.

Beliau merasakan tugasnya di tapak amat mencabar kerana memerlukan pengetahuan dan komitmen kerja yang tinggi dan memastikan bangunan dibawah seliaannya berada dalam keadaan baik. Walaupun banyak risiko dan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan tugas, beliau menghadapinya dengan tenang dan berhati-hati bagi menghasilkan mutu kerja yang berkualiti.

Mohd Khairul Akmal juga merupakan salah seorang Tenaga Pengajar bagi Mata Pelajaran Kokurikulum Berbasikal di bawah Jabatan Pengajian Kokurikulum, PBPI. Beliau juga turut memberi sumbangan melalui penglibatannya dalam bidang sukan. Boleh dikatakan setiap tahun beliau menyertai sukan Antara Jabatan (SAJ) dan dilantik sebagai pengurus pasukan Badminton Pejabat Pembangunan. Selain itu beliau juga turut melibatkan diri dalam sukan Lumba Basikal diperingkat Kebangsaan dan pernah mewakili negara ke perlumbaan di peringkat antarabangsa.

“pernah mewakili negara ke perlumbaan di peringkat antarabangsa.”


Norlela
Nuraida

Beliau mula berkhidmat di UTeM awal tahun 2002. Ditempatkan di Pejabat Pembangunan sebagai Penolong Juruukur Bahan. Bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan Universiti agar selaras dengan garis panduan Kerajaan.

Ditempatkan di Unit Kontrak bagi membantu proses-proses pra-kontrak dan post-kontrak dalam menjalankan perolehan kerajaan yang melibatkan kerja, perkhidmatan dan bekalan berlandaskan Pekeliling-Pekeliling Perolehan Kerajaan. Dengan keupayaan tenaga staf yang terhad memaksa beliau mengharungi dan menerima tanggungjawab dalam menyiapkan segala tugasan berkenaan perkhidmatan kontrak kepada semua unit-unit kerja seperti pembinaan, landskap, arkitek, penyelenggaraan, mekanikal dan elektrikal.

Skop tugas dan tanggungjawab secara umumnya adalah merangkumi keseluruhan tugas berkenaan kontrak kerja yang melibatkan perlaksanaan perolehan bagi Pembangunan Kampus Induk di Durian Tunggal, Kampus Industri di Ayer Keroh dan Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah.

Selain itu, beliau juga aktif dalam menghadiri kursus, bengkel dan seminar dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan. Beliau juga cergas melibatkan diri dalam sukan anjuran Universiti seperti Bowling Padang, Lompat Jauh, Karom dan acara padang yang lain.

Berbekalkan prinsip "tegas dan jujur" serta kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab memberi banyak pengalaman yang berguna. Rasa syukur kehadrat Illahi atas rezeki yang dikurniakan dan dengan rasa berbesar hati menerima anugerah ini sebagai penghargaan. Bersyukur kerana suami dan anak-anak memahami tugas dan tanggungjawab beliau yang menuntut pengorbanan masa yang tidak berbelah-bagi sepanjang berkhidmat di UTeM. Penghargaan dan terima kasih beliau kepada Pengarah Pembangunan dan pegawai-pegawai yang berwibawa serta rakan-rakan kerja yang sangat komited dalam sama-sama membantu memikul tugasan yang dipertanggungjawabkan oleh Universiti.

Norlela binti Rosnan
Penolong Juruukur Bahan

Berkhidmat di Pejabat Pembangunan dari 21 Julai 2008 hingga 25 Januari 2010. Sebagai seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), beliau merupakan tulang belakang dalam membantu melancarkan tugasan ketuanya, Pn. Hajah Noraida binti Attan. Sepanjang tempoh tersebut, beliau turut diberi kepercayaan dan peluang yang tidak ternilai untuk mencurah bakti serta tenaga.

Beliau turut bertanggungjawab dalam memastikan urusan pentadbiran berjalan lancar, maklumat yang diterima daripada ketuanya disampaikan dengan tepat dan jelas kepada pegawai berkaitan dan juga memastikan pegawai di setiap unit dapat melapor tugasan yang telah dipertanggungjawabkan secara terus kepada ketuanya. Kepercayaan yang diberikan tidak disia-siakan malah beliau turut dilantik menjadi urusetia mesyuarat dan bengkel penting seperti Bengkel Pembentangan Permohonan RMK10, Bengkel KPI, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan tidak ketinggalan menjadi Ahli Jawatankuasa Pelaksana 7 bagi Majlis Konvokesyen UTeM ke-5. Beliau turut aktif dalam bidang sukan dan dan juga berpesatuan.

Anugerah ini menjadi pembakar semangat untuk beliau lebih berusaha demi meningkatkan kualiti dan mutu kerja beliau di masa akan datang. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sekerja yang banyak memberi dorongan dan bantuan dalam mencorakkan prestasi kerja beliau selama ini.

Nuraida binti Ismail
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)



Berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 6 November 2006. Bertugas sebagai Pemandu Gred R3 di Unit Kenderaan dan telah dilantik sebagai Pemandu kedua Naib Canselor . Sepanjang bertugas Pemandu di UTeM banyak pengalaman dan pengajaran yang saya dapat dan diantaranya satu penghargaan dilantik sebagai Pemandu Naib Canselor.

Selain itu, banyak juga majlis-majlis Universiti yang saya sertai. Saya rasa bertanggungjawab ke atas sesiapa sahaja yang saya bawa dalam keadaan selamat dan selesa. Prinsip saya adalah kepuasan pengguna adalah bonus dan kepuasan pada diri Saya.

Saya bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya saya terpilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2009. Tidak lupa juga kepada keluarga saya yang mana telah banyak berkorban dan menyokong saya serta doa dan sokongan penuh daripada rakan-rakan seperjuangan. Dengan Anugerah ini juga saya berharap dapat meningkatkan lagi mutu kerja dan disiplin saya.

“Saya rasa bertanggungjawab ke atas sesiapa sahaja yang saya bawa dalam keadaan selamat dan selesa”

Mohd Zin bin Kasri
Pemandu

“Prinsip saya “Pengguna Didahulukan Keselamatan Diutamakan”

Saya berusia 35 tahun dan mula berkhidmat sebagai Pemandu Kenderaan Gred R03 di Unit Kenderaan, Pejabat Pembangunan pada 27 Januari 2008. Pengalaman sebagai pemandu sebelum menyertai UTeM, bertugas sebagai pemandu di Transnasional Ekspres Malaysia .

Sepanjang bertugas sebagai Pemandu di UTeM banyak pengalaman dan pengajaran yang saya perolehi. Antaranya adalah Pemandu Kedua kepada Timbalan Naib Canselor (A&A). Selain daripada itu, banyak juga majlis-majlis Universiti yang saya sertai. Saya rasa bertanggungjawab di atas keselesaan dan keselamatan pengguna haruslah diutamakan. Prinsip saya “Pengguna Didahulukan Keselamatan Diutamakan”

Saya berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada keluarga dan tidak lupa rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi sokongan serta tunjuk ajar. Tidak lupa kepada Puan Pengarah yang banyak memberi sokongan dalam kerja. Saya berharap, dengan anugerah yang saya peroleh ini, dapat meningkatkan lagi mutu kerja dan displin saya.

Md Saad bin Zakaria
Pemandu


Mohd Zin
Saad


"Semangat kerjasama antara pasukan adalah salah satu cara yang perlu diamalkan."

Mohd Faizam Bin Hj. Ahmad
Tukang K3 (Kayu)

Mohd Faizam mula bertugas di UTeM pada 18 Februari 2003 dan telah ditempatkan di Pejabat Pembangunan sebagai Tukang (kayu). Beliau ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana memperolehi anugerah ini. Ia adalah hasil dari komitmen dan ketekunan yang ditunjukkan sepanjang berkhidmat di Unit Awam Zon A.

Beliau banyak menyumbangkan tenaga dalam melakukan kerja-kerja pertukangan untuk Universiti. Selain itu, beliau turut menyumbangkan tenaga dalam majlis-majlis Universiti seperti Majlis Konvokesyen dan sebagainya. Kejayaan ini bukan sahaja untuk beliau tetapi adalah untuk semua staf di Pejabat Pembangunan yang menjadi pencetus dan galakan untuk berusaha dengan lebih gigih bagi memepertingkatkan prestasi dalam tugasan harian.

Semangat kerjasama antara pasukan adalah salah satu cara yang perlu diamalkan bagi memastikan sesuatu tugas dapat dilaksanakan degan lebih baik dan mantap. Sekalung penghargaan juga berliau tujukan kepada keluarga yang menjadi pemangkin semangat dan dorongan dalam kerjaya. Dengan semangat iltizam yang tinggi beliau akan terus menyumbangkan bakti dengan melaksanakan kerja yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Universiti.




Pusat
Komputer



Beliau telah berjaya melaksanakan tugas sebagai Ketua Unit Sistem Maklumat dengan baik dimana beliau memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan modul-modul yang dirancang dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) pada tahun 2009 berjaya dibangunkan dan dilaksanakan mengikut perancangan yang telah dijadualkan.

Beliau banyak menyumbang idea dalam usaha membuat penambahbaikan ke atas modul-modul yang sedia ada mahupun pembangunan modul-modul baru terutama semasa perbincangan bersama pengguna dan diperingkat Pusat Komputer.

Selain itu, beliau telah berjaya membimbing dan menunjuk ajar staf baru di bawah seliaan beliau mengikut piawaian pembangunan sistem yang telah ditetapkan oleh Pusat Komputer sehingga berjaya membangunkan dan melaksanakan Modul E-Perjawatan yang membawa impak yang besar dalam urusan pentadbiran universiti menguruskan pengambilan staf serta modul-modul lain di SMSM yang banyak menyumbang memudahkan urusan pentadbiran khususnya di Pejabat Pendaftar.

Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang pembangunan sistem dan pengurusan pangkalan data, beliau juga sering dijadikan pakar rujuk di kalangan staf Pusat Komputer. Selain tugas hakiki, beliau turut menyumbang kepakaran dengan menjadi tenaga pengajar bagi kelas Literasi IT untuk Microsoft Porject, menjadi Pegawai Pengiring dalam Majlis konvokesyen, AJK Pendaftaran Pelajar Baru serta Majlis Perwakilan Pelajar. Di samping itu, beliau juga telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha di dalam Kelab Sukan dan Kebajikan Pusat Komputer (K-Scom) dengan menyumbang tenaga dan usaha menjaga hal-hal kebajikan staf Pusat Komputer. Beliau juga berkebolehan di dalam bidang sukan dan telah mewakili Pusat Komputer dalam sukan Bola Sepak, Bola Tampar dan Sepak Takraw.

“beliau juga sering dijadikan pakar rujuk di kalangan staf Pusat Komputer.”

Hazril Bin Abdul Wahab
Pegawai Teknologi Maklumat


Beliau mula berkhidmat pada tahun 2008 sebagai Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Komputer dan ditempatkan di Jabatan Web, di bawah Bahagian Multimedia, Penyelidikan dan Pembangunan. Beliau merupakan webmaster yang dilantik oleh NC bagi menjalankan tanggungjawab membangun, menyelenggara dan memastikan laman web UTeM berada dalam keadaan terkini.

Di bawah Jawatankuasa pembangunan laman web universiti juga, beliau telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab terhadap pembangunan, memberi khidmat nasihat serta pemantauan pembangunan laman web PTj dan lain-lain laman web yang berasa dibawah UTeM. Di peringkat PTj pula, beliau bertanggungjawab membantu dalam penyediaan persembahan dan aplikasi multimedia serta penerbitan buletin Pusat Komputer. Mengambil kira komitmen dan dedikasi menjalankan tanggungjawab, beliau telah diberi kepercayaan menganggotai beberapa Jawatankuasa di peringkat Universiti dan PTj seperti Jawatankuasa Konvokesyen (Pelaksana 10, Pengurusan Graduan), ahli sidang redaksi Buletin Pusat Komputer dan Ketua Biro Penerbitan Kelab Sukan dan Kebajikan Pusat Komputer bagi tahun 2010.

Beliau banyak memberi sumbangan terhadap pembangunan dalam peningkatan pengetahuan staf UTeM dalam bidang ICT apabila diberi kepercayaan untuk menjadi tenaga pengajar bagi kursus Power Point 2007 (Advanced), Adobe Illustrator dan pembangunan dan penyelenggaraan laman web (kepada webmaster PTj yang dilantik). Selain itu juga, beliau seorang yang aktif bersukan dan membantu Pusat Komputer memenangi pingat emas bagi acara bola tampar dan bola jaring dalam Sukan Antara Jabatan 2009. Disebabkan kecermelangan yang ditunjukkan beliau sepanjang tahun 2009, beliau telah dipilih dan dianugerahkan Staf Cemerlang Pusat Komputer bagi tahun 2009.



Azilina binti Md Buang
Pegawai Teknologi Maklumat


Aini
Mazura

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 31hb Mac 2004 sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Komputer dan kini ditempatkan di Unit Dokumen Bahagian Pembangunan Sistem Maklumat. Beliau merupakan seorang staf yang sangat kompeten dan boleh bergerak sendiri tanpa perlu dipantau oleh penyelia sepanjang masa. Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam segala arahan yang diberikan.

Beliau banyak membantu dalam menyediakan dokumentasi sokongan teknikal bagi sistem-sistem yang dibangunkan oleh Puast Komputer, sekaligus memudahkan pengguna dan pembangun sistem untuk membuat rujukan. Beliau juga memperkukuhkan pengurusan di Bahagian Sistem Maklumat dengan menyediakan laporan & statistik aduan sistem yang diterima secara bulanan. Beliau sering menjadi pakar rujuk di kalangan rakan-rakan sekerja berdasarkan pengalaman yang ada, dan beliau juga merupakan tenaga pengajar bagi kelas-kelas yang dianjurkan oleh Pusat Komputer seperti MS Word 2007 Advanced, MS Excel 2007 Advanced , MS Visio 2007 dan lain-lain.

Beliau membantu Jabatan Latihan Pusat Komputer dalam usaha mempromosikan latihan-latihan ICT yang ditawarkan oleh Pusat Komputer kepada organisasi luar, dan antara organisasi yang pernah menghadiri latihan ini adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka(PKNM), Syarikat Air Melaka Berhad(SAMB) dan Yayasan Melaka.

Ini secara tidak langsung dapat mamartabatkan nama universiti dan seterusnya membantu mempromosikan universiti di kalangan masyarakat setempat. Selain itu, beliau juga diberi kepercayaan selaku Setiausaha Kelab Sukan dan Kebajikan Staf Pusat Komputer (K-SCOM), dan sering memastikan kebajikan staf sentiasa terjaga, disamping menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan kepada staf Pusat Komputer. Beliau juga telah dipilih sebagai staf cemerlang Pusat Komputer 2009 atas undian staf Pusat Komputer sendiri. Dan, beliau juga sering menabur khidmat bakti dalam acara-acara universiti seperti Konvokesyen, Pendaftaran Pelajar Baru, Hari Pengundian Majlis Perwakilan Pelajar, Sukan Antara Jabatan, dan juga dilantik sebagai juruaudit dalam, ahli Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK), ahli JK Keselamatan, Kesihatan & Pekerjaan Pusat Komputer.

Mazura binti Mustafa
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003 sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Komputer dan kini ditempatkan di Jabatan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu. Seorang staf yang bertanggungjawab dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam segala arahan dan tugas yang diberikan. Beliau sentiasa membantu dalam pemantauan dan penambahbaikan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu(SMKB) (outsource) mengikut keperluan pengguna dari semasa ke semasa.

Beliau juga banyak memberi pandangan dan idea-idea dalam pembangunan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu(SMKB) Fasa I,II,III dan IV yang dibangunkan secara dalaman bagi menggantikan sepenuhnya sistem terdahulu dan ianya telah berjaya dilaksanakan pada September 2009. Bagi memastikan perlaksanaan SMKB berjalan dengan baik, beliau terlibat dalam memberi latihan penggunaan sistem / bengkel bagi semua modul yang telah dibangunkan serta terlibat dalam usaha memindahkan data-data lama tahun 2001-2009.

Beliau sering menjadi pakar rujuk dikalangan rakan-rakan sekerja berdasarkan pengalaman yang ada, dan beliau juga merupakan tenaga pengajar bagi kelas-kelas literasi IT yang dianjurkan oleh Pusat Komputer kepada staf UTeM. Selain daripada itu, beliau juga terlibat dengan program Khidmat Masyarakat dan dilantik sebagai Penceramah Program Celik IT kepada murid-murid Tahun 6 Sekolah Kebangsaan Krubong, Melaka. Beliau juga diberi kepercayaan selaku AJK Biro Kebajikan, Kelab Sukan dan Kebajikan Staf Pusat Komputer (K-Scom) bagi sesi 2008/2009, dan sering memastikan kebajikan staf sentiasa terjaga, disamping menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan kepada staf Pusat Komputer.

Beliau juga aktif dalam acara-acara universiti seperti terlibat dalam Hari Pengundian Majlis Perwakilan Pelajar dan Sukan Antara Jabatan dalam pertandingan bola jaring dan bola tampar.

Nur Aini Hayati binti Husin
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat




Dr. Azizah Shaaban merupakan Pensyarah, Penyelidik dan Timbalan Pengarah CRIM. Tugas hakiki beliau adalah menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran keatas beberapa subjek (untuk pelajar Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana). Ini telah dilaksanakan dengan cemerlang mengikut ketetapan ISO, EAC dan MQA. Penyelidikan di bidang Kejuruteraan Bahan membolehkan beliau membangun dan melengkapkan kemudahan di makmal menggunakan dana daripada MOSTI, KPT dan Universiti.

Kemudahan itu dapat digunasama oleh pensyarah dan pelajar di Fakulti. Bimbingan ke atas pelajar Sarjana (mod penyelidikan) telah dilaksanakan secara proaktif melalui beberapa siri diskusi serta pembentangan dan penerbitan beberapa kertas kerja penyelidikan. Ke semua tugas di atas dijalankan dengan penuh dedikasi seiring dengan tugas tadbir urus penyelidikan di CRIM, yang melibatkan aspek-aspek seperti konsultansi, pengumpulan maklumat dan pemantauan hal ehwal penyelidikan.

Dr. Azizah binti Shaaban
Pengarah,
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

"Buah Berangan Jadi Kiriman Buat Si Adik
Ikan Keli Di Masak Di Makan Di Tanah Lapangan
Bergandingan Staf di CRIM Membantu Penyelidik
Universiti Di Dahulukan 10 Tahun Kecemerlangan"

Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan




Pusat Jaminan
Kualiti & Akreditasi



Erni Suhadah binti Mod Husin dilantik sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di UTeM bermula pada 15 Mei 2001. Pada 21 Julai 2008, beliau telah ditempatkan di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran.

Pengalaman bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset serta Pusat Pengajian Siswazah sepanjang perkhidmatan beliau yang lalu banyak membantu beliau dalam melaksanakan tugas dan menjayakan aktiviti-aktiviti di PPP.

Beliau sentiasa berusaha menjalankan setiap tugasan yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan bersungguh-sungguh. Di kesempatan ini, beliau mengucapkan terima kasih kepada Pengarah PPP di atas kepercayaan yang diberikan di dalam menjalankan tugas.

Setinggi penghargaan buat keluarga dan rakan-rakan seperjuangan di PPP yang banyak membantu dan menyokong beliau untuk memberi khidmat bakti yang terbaik sehingga kini.

“Beliau sentiasa berusaha menjalankan setiap tugasan yang diamanahkan dengan penuh ikhlas”

Erni Suhadah Binti Mod Husin
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)


Pusat
Pengajian Sisnvazah



Zulfatria bin Abdullah
Penolong Pendaftar

Mula berkhidmat di UTeM pada April 2008 dan ditempatkan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Selama 2 tahun di UTeM, beliau memperolehi pengalaman yang berguna terutamanya dalam hal ehwal akademik di peringkat pasca siswazah yang sememangnya berbeza ketika berkhidmat di Unit Protokol dan Istiadat, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi di atas penganugerahan ini dan berterima kasih terutamanya kepada Prof. Dr Mohd Razali bin Muhamad Dekan PPS, staf PPS dan rakan-rakan serta mantan Dekan PPS Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman yang telah memberi tunjuk ajar, sokongan dan kerjasama dalam melaksanakan tugasan yang diberikan.

Tugasan beliau di PPS antaranya ialah bertanggungjawab menguruskan kemasukan pelajar, pendaftaran pelajar, penganugerahan ijazah pelajar, aktiviti promosi dan hal ehwal pentadbiran PPS. Selain itu beliau juga aktif menghadiri kursus, bengkel, sukan antara jabatan dan terlibat secara aktif di dalam Jawatankuasa Pelaksana Majlis Konvokesyen UTeM.


Penerbit
Universiti



www.utem.edu.my

Majlis Hari Kualiti 2010

Rekabentuk oleh :

Pejabat Perancangan &
Komunikasi Korporat,